

هتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SEMAJU atau sekuat manapun orang tidak akan mampu untuk menolak ketentuan Allah. Bencanakah, atau wabakkah, atau krisis-krisis dalam negara adalah semua itu dari ketentuan Allah jua."
- Titah Sempena Menyambut Tahun Baharu Hijrah 1433.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"BUATLAH apa yang kamu kehendaki, sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fussilat, ayat 40.

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.50

SUBUH

5.00

SYURUK

6.23

DUHA

6.48

ZUHUR

12.20

ASAR

3.41

MAGHRIB

6.14

ISYAK

7.29

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 153

22 DISEMBER 2018 / 14 ربيع الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Tinjau persiapan Sekolah Menengah Arab baharu



Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

RIMBA, Khamis, 20 Disember. - Institusi dan pendidikan persekolahan Arab di negara ini sentiasa dititikberatkan agar hala tuju pendidikan agama dapat dicapai bagi melahirkan para ulama yang benar-benar mahir ilmu agama.

Sehubungan itu, sebuah lagi Sekolah Menengah Arab dijangka akan dapat digunakan pada tahun hadapan apabila kerja-kerja pembinaannya selesai dalam sedikit masa lagi.

Bagi meninjau kemajuan kerja-kerja terakhir pembinaannya, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman telah mengadakan lawatan kerja ke tapak pembinaan Sekolah Menengah Arab Kampung Rimba yang baharu.

Di sepanjang lawatan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan telah diberikan taklimat oleh Ketua Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Md. Rozaiman bin Haji Abdul Rahman.

Ke muka 3

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa mengadakan lawatan kerja ke tapak pembinaan Sekolah Menengah Arab Kampung Rimba yang baharu.

Kongsi perancangan tingkatkan pengeluaran beras

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Disember. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong berkata, Negara Brunei Darussalam dan Thailand mempunyai Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand yang akan berkuat kuasa sehingga 24 Mac 2020.

Menurut Yang Berhormat, MoU tersebut meliputi skop kerjasama luas yang merangkumi, Inisiatif Halal Brunei dalam bidang perniagaan; Pertanian termasuk haiwan, perikanan, tumbuhan,

pengairan, pengurusan tanah dan pembangunan koperasi; Kerjasama dan koordinasi dalam organisasi antarabangsa dan serantau yang relevan; dan Bidang kepentingan yang lain yang dipersetujui oleh pihak bersama.

"Saya berharap dengan lawatan Tuan Yang Terutama ke beberapa Kawasan Pengeluaran Beras (Wasan, Batang Perhentian dan Limau Manis); Kawasan Pembangunan Pertanian di Sibongkok dan Imang Dam akan memberi gambaran mengenai pembangunan serta cabaran yang dihadapi oleh Negara Brunei Darussalam dalam usaha kita untuk meningkatkan pengeluaran pertanian melalui peningkatan produktiviti tanaman," ujar Yang Berhormat pada Perbincangan Dua

Hala di antara KSSUP negara ini dengan Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, kementerian berkenaan.

Dari pemahaman yang diperoleh semasa lawatan dan perbincangan, Yang Berhormat juga berharap, mereka akan dapat mengenal pasti dan menentukan kemungkinan projek yang boleh difokuskan di bawah MoU.

Menurut Yang Berhormat lagi, melalui Perbincangan Dua Hala ini akan dapat berkongsi rancangan untuk membangunkan pengeluaran beras 500 hektar di Kandol, Daerah Belait dan berharap, Thailand, melalui urusan 'Business to Business' mungkin ingin mempertimbangkan untuk mengambil bahagian dalam Projek Pengeluaran Beras Kandol berkenaan.

Ke muka 4

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn



Muka 6

90 Pelatih
PPB terima
sijil



Muka 7

360 pelajar kurang
berkemampuan terima
sumbangan

Pastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan komprehensif dan berkualiti

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat, taufik serta keizinan-Nya jua Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara dapat diadakan pada pagi ini. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Peramba / kaola / saya berserta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan sangat menghargai dan mengalu-alukan kedatangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Sesi Muzakarah ini yang mana ia dihasrat untuk mengukuhkan lagi hubungan silaturahim dan ukhuwah antara kedua pihak, di samping sebagai satu platform perkongsian maklumat dan perbincangan. Pihak Kementerian Kesihatan sangat mengalu-alukan input, cadangan dan buah fikiran yang positif lagi bernas dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang setentunya dapat dijadikan sebagai nilai tambah yang berharga dalam usaha kementerian ini mengukuhkan lagi sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam di bawah pemerintahan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan sifat keprihatinan, pemedulian serta komitmen baginda, sentiasa mengambil perhatian berat akan kepentingan hal ehwal kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Rakyat dan penduduk yang sihat dari segi fizikal dan mental sudah setentunya akan dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi bukan sahaja kepada individu, keluarga, masyarakat bahkan insyaaAllah, ia akan juga sekali gus akan meningkatkan lagi kualiti kehidupan, kesejahteraan dan kemakmuran negara yang lebih mantap.

Sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan sebagai salah satu teras kepada pembangunan negara terus diperkukuhkan dari tahun ke setahun dengan mengamalkan dasar Universal Health Coverage. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif, mudah diperolehi dan berkualiti di semua peringkat dari penjagaan kesihatan asasi (Primary Health Care) hinggalah ke peringkat *secondary* dan *tertiary* dengan meliputi aspek promosi kesihatan, rawatan dan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan Bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Selasa, 7 Rejab 1440H / 16 Oktober 2018M bertempat di Dewan Al - 'Afiah Kementerian Kesihatan.

pemulihan malahan juga pencegahan dan pengawalan penyakit.

Dalam mendukung kepada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035, Kementerian Kesihatan menumpukan fokus kepada lima strategi utama, iaitu :

- (i) Kecemerlangan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan;
- (ii) Pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit;
- (iii) Melindungi kesihatan awam melalui dasar dan peraturan yang efektif;
- (iv) Kedayatahan sistem dan perkhidmatan peniagaan kesihatan melalui penggunaan sumber yang optima dan inovasi; dan
- (v) Urus tadbir yang telus dan proaktif.

Kementerian Kesihatan sebagai salah satu jentera penggerak kerajaan akan terus berusaha gigih sebagai satu pasukan yang mantap dalam melaksanakan strategi-strategi, seperti yang digariskan. Sehubungan ini, Kementerian Kesihatan telah merancang beberapa inisiatif yang sedang dan akan diusahakan dalam mendukung pembangunan sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih cekap, efisien dan berkualiti serta berteraskan *people centred care* dengan tenaga kerja kesihatan yang profesional, dinamik, progresif dan

penuh pemedulian.

Mengambil berat mengenai kepentingan perkhidmatan yang berkualiti dan selamat sebagai asas dan *fundamental* dalam penjagaan kesihatan maka Kementerian Kesihatan baru-baru ini menubuhkan Jawatankuasa Kualiti dan Keselamatan Pesakit Kebangsaan; untuk menyediakan *framework* yang holistik bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang mendukung kepada melindungi keselamatan pesakit selaras dengan amalan-amalan terbaik serta saranan organisasi antarabangsa khususnya Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), di samping meningkatkan kapasiti organisasi untuk melaksanakan *evidence-based practice*. Kementerian Kesihatan juga akan mengukuhkan sistem pengurusan kualiti secara menyeluruh dan bagi penyerapan *safety culture* yang mantap dan lebih meluas.

Alhamdulillah dari aspek perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi, di Negara Brunei Darussalam kita telah dapat menyediakan sebagai khidmat yang mudah diperolehi dan dekat dengan masyarakat setempat melalui konsep *one stop health centre*. Perkhidmatan yang diberikan, seperti klinik am (*general clinic*), klinik bagi penyakit kronik, penjagaan kesihatan ibu-ibu dan anak-anak; perkhidmatan kejururawatan akan terus diperkukuhkan dengan penambahbaikan dari aspek kualiti perkhidmatan, infrastruktur dan sumber tenaga manusia. Inisiatif sistem perjanjian bermasa juga telah diperkenalkan dan telah dilaksanakan di lima buah pusat kesihatan, iaitu Pusat Kesihatan Berakas, Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkihah, Gadong, Pusat Kesihatan Muara, Pusat Kesihatan Pengkalan Batu dan Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong. Manakala di pusat kesihatan yang lain pula, sistem perjanjian dijalankan bagi klinik penyakit kronik. Bagi memastikan sistem perjanjian ini berjalan lancar, kerjasama orang ramai sangat diperlukan bagi memenuhi masa perjanjian yang telah ditetapkan.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara ke II, beberapa projek infrastruktur telah diluluskan, iaitu :

- (i) Proiekt pembinaan pusat kesihatan baharu di kawasan Pandan di Kuala Belait
- (ii) Pembinaan blok baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
- (iii) Pembinaan bangunan perkhidmatan kecemasan Hospital Suri Seri Begawan di Kuala Belait; dan
- (iv) Pembinaan Makmal Certified BSL3 bagi mendukung penubuhan Makmal Rujukan TB Kebangsaan dan Perkhidmatan Virologi.

Ke muka 5

Dari Sidang Pengarang.

22 DISEMBER 2018 BERSAMAAN 1440 ربيع الأخير 14

KAWAL PERBELANJAAN MENJELANG BONUS

INDIVIDU atau pengguna yang sentiasa berjimat cermat dan mengambil berat untuk menabung, menyimpan atau melabur adalah pengguna yang bijak menguruskan perbelanjaan mengikut kemampuan. Tetapi malangnya, masyarakat di negara kita masih ramai yang suka berbelanja melebihi kemampuan lebih-lebih lagi ketika musim-musim perayaan termasuk ketika menerima bonus.

Tidak dinafikan manusia mempunyai naluri keinginan dan kemahuan yang tidak terbatas (*unlimited want*).

Dengan itu, tidak hairan jika ada dalam kalangan mereka yang sering berkeinginan besar untuk memiliki sesuatu yang di luar kemampuan diri.

Kehidupan mereka boleh diibaratkan, seperti pepatah Melayu 'lebih besar kerak dari periuk' hasilnya pula 'biar papa asal bergaya'.

Sifat bersederhana dalam menguruskan kewangan dan perbelanjaan harian adalah amat penting. Lebih-lebih lagi dalam situasi harga barang yang semakin meningkat sekarang ini.

Ketika berbelanja dalam situasi ini, kita perlu memikirkan keperluan-keperluan mendatang. Islam mahukan umatnya pandai dan bijaksana dalam mengatur perbelanjaan, iaitu tidak boros, membazir serta tidak juga kedekut dan bakkil.

Kebijaksanaan dalam merancang perbelanjaan adalah penting agar wujud keseimbangan antara pendapatan dengan penggunaan.

Di samping itu juga, cara berbelanja itu akan lebih terarah dan timbul sikap berjimat cermat. Berjimat cermat dan sentiasa bersederhana dalam perbelanjaan itu banyak mendatangkan faedah terhadap individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Antara tip mudah untuk kawal perbelanjaan ketika membeli-belah ialah yang pertama, sebelum keluar membeli-belah, senaraikan dahulu barang-barang yang hendak dibeli. Lihat semula barang-barang yang hampir habis, yang hampir mencapai minimum stok atau yang masih ada banyak stok.

Boleh tandakan barang-barang yang paling utama dahulu untuk dibeli, supaya tidak ada yang tertinggal. Ketika membeli-belah nanti, pastikan membeli barang-barang yang disenaraikan sahaja. Jika ada terlampau atau terjumpa barang-barang lain yang tidak ada dalam senarai dan terasa ingin beli, tangguhkan dulu.

Sebaliknya, catat sahaja, dipertimbangkan semula dalam senarai pembelian akan datang. Mungkin selepas dipertimbangkan semula, barang tersebut bukannya satu keperluan.

Yang kedua, daripada senarai barang-barang yang ingin dibeli, cuba letakkan anggaran harga bagi setiap barang. Kemudian, kira jumlah yang diperlukan.

Berdasarkan kepada jumlah yang dianggarkan, bawa duit secukupnya sahaja apabila keluar membeli-belah nanti. Mungkin boleh bawa duit lebih sedikit, takut anggaran yang dibuat tidak sama dengan harga sebenar barang yang diingini.

Fokus utamanya ialah jangan terlalu banyak membawa duit apabila keluar membeli-belah.

Apabila membawa duit yang secukupnya sahaja, kita akan lebih cenderung untuk beringat dan berhati-hati ketika mengambil barang yang akan dibeli. Jadi, tidaklah berlakunya perbelanjaan berlebihan.

Menurut satu kajian menyatakan bahawa kebanyakan orang membeli-belah secara berlebihan disebabkan gagal mengawal emosi. Jadi tip ketiga ialah kawal emosi.

Salah satu faktor yang boleh mempengaruhi emosi adalah perut; apabila lapar, emosi menjadi tidak terkawal, nafsu membuak-buak, fikiran menjadi kurang rasional dan kita cenderung untuk membeli-belah secara berlebihan. Hinggakan barang yang tidak diperlukan pun dirasakan perlu.

Meskipun sudah membeli satu jenis makanan, tetapi masih dirasakan tidak mencukupi dan perlu membeli makanan yang lain. Ini semua disebabkan emosi tidak terkawal yang dipengaruhi oleh perut yang lapar.

Maka untuk mengelakkan perbelanjaan berlebihan, satu cara yang mudah ialah membeli-belah ketika perut kenyang. Sebelum bertolak ke kedai, pasar malam atau mana-mana tempat membeli-belah, seelok-eloknya makan dulu sedikit untuk mengelakkan rasa lapar yang keterlaluan.

Apabila pergi membeli-belah ketika perut kenyang, memang terasa kurang 'bernafsu' untuk membeli-belah, jadi kita boleh menumpukan kepada barang-barang yang hendak dibeli sahaja.

Kesimpulannya, menguruskan wang merupakan tanggungjawab yang penting terutama pada musim menerima bonus yang akan datang. Dalam berbelanja, kita haruslah beringat-ingat dan berjimat cermat. Mengendalikan wang dengan bijak merupakan kebolehan yang mendatangkan manfaat seumur hidup. - **Ketua Penyuntingan (Ad).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 30 24 °C	30 24 °C	32 24 °C
PEKAN BANGAR 31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
PEKAN TUTONG 31 24 °C	31 25 °C	32 24 °C
KUALA BELAIT 31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	SABTU	14	4.50	5.00	6.23	6.48	12.20	3.41	6.14	7.29
23	AHAD	15	4.50	5.00	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29
24	ISNIN	16	4.51	5.01	6.24	6.49	12.21	3.42	6.15	7.30
25	SELASA	17	4.51	5.01	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30
26	RABU	18	4.52	5.02	6.25	6.50	12.22	3.43	6.16	7.31
27	KHAMIS	19	4.52	5.02	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31
28	JUMAAT	20	4.53	5.03	6.26	6.51	12.23	3.44	6.17	7.32

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Tinjau persiapan Sekolah Menengah Arab baharu



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman mendengarkan penerangan ketika mengadakan lawatan kerja ke tapak pembinaan Sekolah Menengah Arab Kampung Rimba yang baharu (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan ketika meninjau prasarana yang terdapat di sekolah tersebut.

Dari muka 1

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Pemangku Timbalan

Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat dan rombongan meninjau beberapa prasarana sekolah berkenaan antaranya dewan kuliah, bilik-bilik darjah, makmal sains, asrama penuntut, bilik pentadbiran dan perpustakaan

serta surau sekolah.

Sekolah Menengah Arab Kampung Rimba tersebut dijangka siap sepenuhnya pada 31 Disember 2018 ini yang akan menempatkan seramai 2,000 orang pelajar dengan dilengkapi kemudahan bilik-bilik darjah, makmal sains dan bahasa, bilik Lecture Hall, dewan serbaguna, bilik pentadbiran dan bilik guru-guru, perpustakaan, asrama, surau,

Oleh : Hajah Siti Zuriahah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

kantin dan *grandstand* padang.

Bangunan tersebut turut dilengkapi dengan alat-alat keselamatan dan sekuriti serta menempatkan bilik pengawal keselamatan di pintu-pintu masuk/keluar sekolah berkenaan.

Pada masa ini, terdapat sebanyak tujuh buah Sekolah Arab di seluruh daerah, iaitu empat buah di Daerah Brunei dan Muara dan sebuah Sekolah Arab masing-masing di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Penandatanganan Kontrak Projek-projek JKR



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Menandatangani Kontrak bagi Projek-projek Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

BERAKAS, Khamis, 20 Disember. - Jabatan Kerja Raya (JKR) mengadakan Majlis Menandatangani Kontrak bagi Projek-projek Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan yang

berlangsung di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat JKR, Berakas, di sini.

Antara projek yang ditandatangani ialah Pembinaan Jambatan di Persimpangan Jalan

Utama Mentiri dan Jalan Penghubung Tanah Jambu; dan Menaik Taraf Jalan Perindustrian Serasa Menuju ke Jambatan Pulau Muara Besar, di mana kedua-dua projek tersebut dikontrakkan kepada Pro-Builder Sendirian Berhad.

Bagi Projek Skim Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong - Pencegahan Banjir di sebelah Hilir Sungai Tutong (Design and Build) dikontrakkan kepada Thong & Thong Sendirian Berhad.

Sementara itu, Skim Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong - Pencegahan Banjir di sebelah Hulu Sungai Tutong (Design and Build) pula dikontrakkan kepada Ocean Quarry & Construction Sendirian Berhad.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyerahan kontrak ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

surah Al-Fatihah, diikuti dengan penandatanganan kontrak yang disaksikan oleh tetamu kehormat, yang kemudiannya menyempurnakan penyerahan kontrak tersebut kepada para wakil syarikat yang berkenaan.

Harga kontrak bagi Pembinaan Jambatan di Persimpangan Jalan Utama Mentiri dan Jalan Penghubung Tanah Jambu ialah BND19,956,775.16 dengan tempoh projek 30 bulan, manakala Menaik Taraf Jalan Perindustrian Serasa Menuju ke Jambatan Pulau Muara Besar pula berharga BND6,166,238.50 dengan tempoh kontrak selama 16 bulan.

Skim Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong - Pencegahan Banjir di sebelah Hilir Sungai Tutong (Design and Build) dan Pencegahan Banjir di sebelah Hulu Sungai Tutong (Design and

Build), masing-masing berharga BND12,734,338 dan BND7,827,828 dengan tempoh kontrak selama 30 bulan.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Professional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria dan Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub.



SUASANA Majlis Menandatangani Kontrak bagi Projek-projek Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan yang diadakan di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat JKR, Berakas.

Kongsi perancangan tingkatkan pengeluaran beras



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (tengah) mengetuai bagi pihak Negara Brunei Darussalam pada Perbincangan Dua Hala di antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand (kiri), sementara kanan, pihak Kerajaan Thailand diketuai oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Wiwat Salyakamthorn (dua, kanan) pada perbincangan berkenaan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman

Dari muka 1

Yang Berhormat seterusnya berharap kerjasama tersebut akan memberi manfaat yang besar kepada kedua-dua Negara Brunei Darussalam dan Thailand, terutamanya dalam bidang pertanian serta sektor perikanan.

Pada perbincangan tersebut, pihak Kerajaan Thailand telah

diketahui oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Wiwat Salyakamthorn.

Turut hadir dalam perbincangan itu ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak; Kuasa Usaha Sementara, Kedutaan Kerajaan Thailand

di Brunei Darussalam, Tuan Rooge Thammongkol; Timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP, Awang Abdul Halidi bin Mohd. Salleh, delegasi-delegasi dari Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand dan pegawai-pegawai kanan dari KSSUP.

Perbincangan Dua Hala ini bertujuan untuk membincangkan projek-projek kerjasama yang akan dilaksanakan di bawah Memorandum Persefahaman di antara KSSUP, Negara Brunei

Darussalam dan Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand yang telah pun ditandatangani pada 25 Mac 2015.

Di samping itu, Perbincangan Dua Hala tersebut juga adalah untuk berkongsi maklumat dan buah fikiran, khususnya terhadap hasil-hasil daripada lawatan kerja TYT Dr. Wiwat Salyakamthorn berserta delegasi-delegasi dari Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand ke ladang-ladang pertanian di negara

ini, terutama dalam usaha untuk merawat tanah pertanian yang mempunyai kandungan asid yang tinggi dan masalah berkaitan sumber air yang tidak mencukupi.

Dalam kesempatan tersebut, KSSUP juga telah mengongsikan rancangan pengeluaran beras seluas 500 hektar di Kandol, Daerah Belait serta mempelawa pihak swasta yang berpengalaman dalam penanaman padi dari Kerajaan Thailand yang berminat untuk ikut serta dalam projek tersebut.

Pelajari urus tadbir perumahan di Brunei



ROMBONGAN Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (JPBW) Negeri Sabah yang diketuai oleh Pengarah JPBW, Haji Mursidi bin Haji Sapie (tengah) mengadakan lawatan ke Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lugu, Mukim Sengkurong sebagai salah satu program lawatan yang terkandung di dalam acara kunjungan rasmi ke Negara Brunei Darussalam.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

MUKIM SENKURONG, Rabu, 19 Disember. - Keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengurus tadbir pembinaan perumahan di negara ini mendapat perhatian rombongan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (JPBW) Negeri Sabah.

Rombongan JPBW yang diketuai oleh Pengarah, Haji Mursidi bin Haji Sapie mengadakan lawatan ke Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lugu, Mukim Sengkurong sebagai salah satu program lawatan yang terkandung dalam acara kunjungan rasmi ke Negara Brunei Darussalam, selama empat hari sejak 17 Disember lalu.

Acara lawatan didahului dengan mendengar taklimat mengenai

Skim Perumahan Negara dan sejarah wujudnya skim berkenaan dan juga pencapaiannya disampaikan oleh Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar, diikuti dengan tayangan video dan sesi soal jawab.

Rombongan seterusnya dibawa meninjau kawasan perumahan dan berkesempatan menanam pokok sebelum singgah ke salah sebuah rumah jenis kluster kepunyaan keluarga pasangan Dayang Mazlinah binti Jeludin dan Awang

Mohammad Azarin bin Haji Wahid.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Haji Mursidi mengongsikan antara tujuan lawatan ke perumahan tersebut, iaitu mempelajari serba sedikit tentang cara-cara Kerajaan Kebawah DYMM mengurus tadbir perumahan di negara ini, yang mana dari tinjauan mereka, sudut 'layout' dan pembinaan rumah-rumah tersebut sangat mengagumkan dan menjurus kepada kehendak rakyat itu sendiri.

Melalui lawatan ini, tambahnya, akan menjadi inti pati yang boleh kami bawa untuk mengurus tadbir dan menyediakan perumahan kepada rakyat, terutamanya di Negeri Sabah.

RPN Lugu mempunyai sejumlah 1,000 unit rumah kluster di mana empat unit rumah kluster bagi setiap blok dengan keluasan 130 meter persegi bagi setiap unit. Setiap unit mempunyai empat bilik tidur dengan tiga bilik air termasuk bilik tamu, bilik makan dan dapur serta dua tempat letak kereta beratap.

Forum Kesan Bahaya Penyalahgunaan Dadah Daerah Temburong

Dadah perosak utama negara



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Kesan Bahaya Penyalahgunaan Dadah Daerah Temburong Tahun 1440 Hijrah / 2018 Masihi (kiri), sementara gambar atas, antara panel pada forum berkenaan, Pegawai Biro Kawalan Narkotik, Awang Mohammad Wendy bin Haji Awang @ Abdul Razak; dan Rakan Harmoni, Awang Haji Jailani bin Haji Mohammad Said yang dipengerusikan oleh Ketua Unit Da'wah Daerah Temburong, Awang Hazimin bin Haji Metali. Antara hadirin pada forum yang diungkuhkan bersama oleh Pejabat Hal Ehwat Masjid, Daerah Temburong dengan Jabatan Biro Kawalan Narkotik, Daerah Temburong (bawah, kiri).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



TEMBURONG, Rabu, 19 Disember. - Semua pihak termasuk ibu bapa, guru, masyarakat mahupun kerajaan perlu berganding bahu memerangi gejala penyalahgunaan dadah.

Kita sama-sama berusaha menangani masalah dadah kerana dadah adalah perosak utama negara dan boleh meruntuhkan keharmonian dan kesejahteraan negara.

Pegawai Biro Kawalan Narkotik, Awang Mohammad Wendy bin Haji Awang @ Abdul Razak, menjelaskan demikian sebagai panel Forum Kesan Bahaya Penyalahgunaan Dadah Daerah Temburong Tahun 1440 Hijrah / 2018 Masihi yang berlangsung di Masjid RPN Kampung Rataie di sini.

Semasa membentangkan kertas kerjanya, Awang Mohammad Wendy seterusnya berkata, sebagai pemuda harapan bangsa dan

pemudi tiang negara, kita tidak mahu masalah penyalahgunaan dadah ini mencemarkan nama baik bangsa amnya dan negara khususnya.

Forum yang dipengerusikan oleh Ketua Unit Da'wah Daerah Temburong, Awang Hazimin bin Haji Metali juga mendengarkan pembentangan dari seorang lagi panel dari Rakan Harmoni, Awang Haji Jailani bin Haji Mohammad Said yang turut mengongsikan pengalamannya dan menyatakan antara sebab-sebab seseorang itu menagih kembali.

Forum mengenai betapa bahayanya penyalahgunaan dadah dan cara-cara mengatasinya itu diungkuhkan bersama oleh Pejabat Hal Ehwat Masjid, Daerah Temburong dengan Jabatan Biro Kawalan Narkotik, Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Turut hadir, Ketua Kampung, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Belia Masjid dan Muslimah serta penduduk kampung sekitarnya.

Forum ini dilaksanakan untuk memberikan kefahaman dan menyuntik penghayatan serta memantapkan keimanan kepada umat Islam, sekali gus memberikan kesedaran betapa pentingnya kesihatan fizikal dan rohani, serta menjauhi sumber-sumber yang boleh merosakkannya.

Selain itu, acara ini juga dapat memupuk kerjasama yang erat di antara kedua-dua institusi dalam memberikan sumbangan keagamaan kepada masyarakat.

Di samping melartikan lagi sikap bertanggungjawab di segenap lapisan masyarakat agar sama-sama membendung dan membasmi penyalahgunaan dadah dari peringkat akar umbi, forum ini juga dihasrat untuk memantapkan lagi pentakmiran masjid dengan budaya ilmu kepada masyarakat.

HALUAN

Dari muka 2

InsyaaAllah projek-projek ini akan dimulakan pembinaannya pada masa terdekat. Dalam pada itu, sepertimana jua yang Ahli-ahli Yang Berhormat dapat perhatikan bahawa projek-projek pembaikan dan penaiktarafan infrastruktur hospital-hospital kerajaan di seluruh negara dan juga pusat-pusat serta klinik-klinik kesihatan yang sedia ada juga telah dan sedang giat dilaksanakan secara berfasa mengikut keutamaan.

Kementerian Kesihatan juga sangat peka mengenai kepentingan untuk melindungi kesihatan awam dan mengambil serius bagi memastikan kesiapsiagaan dalam menangani sebarang ancaman kesihatan awam seperti wabak penyakit berjangkit dan sebagainya. Sebagai usaha bagi menambah baik kecekapan dan kapasiti negara ini dalam mencegah, mengesan dan memberi respons kepada kecemasan kesihatan awam, Jawatankuasa Kebangsaan Pelaksanaan Peraturan Kesihatan Antarabangsa (WHO International Health Regulation - IHR) 2005 baru-baru ini ditubuhkan yang keahliannya terdiri daripada wakil dari semua Kementerian Kementerian dan agensi-agensi yang berkepentingan. Matlamat jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk memastikan koordinasi dan kerjasama yang rapat di antara semua pihak melalui pendekatan *whole of nation* ke arah mengukuhkan lagi kesihatan awam di negara ini, di samping melaksanakan komitmen negara kepada peraturan-peraturan antarabangsa. InsyaaAllah, dengan tertubuhnya jawatankuasa ini, kelemahan dan jurang yang dikenal pasti dalam menangani ancaman kesihatan awam akan terus dapat diperbaiki.

Menyentuh mengenai ancaman kesihatan

awam, Kementerian Kesihatan juga sangat mengambil berat mengenai bahaya produk tembakau yang mana langkah-langkah pengurangan penggunaan tembakau secara berterusan dilaksanakan melalui peningkatan kesedaran awam dan penyediaan perkhidmatan klinik berhenti merokok. Ini adalah dalam menanai tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-72 Tahun : Baginda telah bertitah mengenai membangun negeri mesra alam dan supaya Brunei Darussalam ini bebas daripada segala macam pencemaran, termasuk pencemaran oleh rokok.

Menurut kajian Cross Sectional STEPwise Approach to Surveillance Population Survey of NCD and risk factor in Brunei Darussalam pada tahun 2016, mendapati hampir 20% orang dewasa adalah perokok. Ke arah pengurangan jumlah perokok, penguatkuasaan Perintah Tembakau dan Peraturan-Peraturan turut diperkukuhkan yang mana jumlah kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Tembakau yang dicatat pada tahun ini ialah sejumlah 384 kes kesalahan dari bulan Januari hingga September 2018. Daripada jumlah ini 295 kompaun telah dikeluarkan beserta 89 rujukan *mandatory* ke Klinik Berhenti Merokok diberi ke atas individu-individu dan syarikat yang gagal mematuhi perintah berkenaan.

Strategi pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit terus menjadi keutamaan Kementerian Kesihatan yang mana program-program yang dirancang di bawah jawatankuasa Pelbagai Sektor bagi Kesihatan (Multisectoral Task Force on Health) giat dilaksanakan dan dipantau bagi memastikan pencapaian

objektif yang ditetapkan. Program-program tersebut menggunakan pelbagai pendekatan dan membuat sasaran kepada semua peringkat rakyat dan penduduk negara di persekitaran sekolah, tempat kerja, tempat awam dan termasuk juga pendekatan masyarakat dan pemimpin setempat sepertimana program Mukim Sihat dan juga Program Duta Kesihatan.

Kementerian Kesihatan juga sedang membuat perancangan bagi pelaksanaan Program Saringan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Program) untuk mengesan dan merawat penyakit-penyakit kronik lebih awal dan mencegah komplikasi serta memudahkan rawatan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit. Program ini akan disasarkan bagi pengesanan awal penyakit *cardiovascular* dan juga kanser yang merupakan penyebab kematian yang tertinggi di negara ini. Usaha-usaha bagi memantapkan pendidikan kesihatan atau *health literacy* dalam kalangan rakyat dan penduduk negara juga akan dipergiatkan bagi tujuan meningkatkan lagi kesedaran dan kebertanggungjawaban masyarakat kitani mengenai kepentingan penjagaan kesihatan.

Manakala Program Promosi Kesihatan di Tempat Kerja juga sedang diusahakan yang mana baru-baru ini, inisiatif Sukatan Body Mass Index (BMI) dan Promosi Kegiatan Fizikal (capai 10,000 langkah), iaitu salah satu pelan tindakan di bawah jawatankuasa pelbagai sektor bagi Kesihatan telah mula dilaksanakan pada bulan September tahun ini. Semua agensi kerajaan dan pihak swasta adalah digalakkan untuk sama-sama mempromosikan dan membudayakan amalan-amalan yang mendukung kepada tempat kerja sihat ke arah membangun tenaga kerja yang sihat,

aktif dan produktif.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah mencapai sebahagian besar sasaran Matlamat Pembangunan Berdaya Tahan (United Nations, Sustainable Development Goals 2030) mengenai kesihatan dari aspek kesihatan ibu-ibu dan anak-anak serta pengawalan penyakit-penyakit berjangkit. Walau bagaimanapun, pencapaian yang diperoleh sewajarnya tidak membuatkan kitani leka kerana masih terdapat pelbagai cabaran yang boleh mengancam status kesihatan negara. Oleh yang demikian, selaras dengan visi 'Bersama Ke Arah Warga Sihat', Kementerian Kesihatan mengharap kerjasama padu semua pihak dari agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), ketua-ketua akar umbi dalam sama-sama berganding bahu mengalas tanggungjawab menjaga kesihatan dan keselamatan awam bagi kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Sebelum peramba, kaola, mengakhiri mukadimah pagi ini, peramba, kaola, saya serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan sekali lagi sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan berbilang terima kasih atas kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat ke Sesi Muzakarah ini. Semoga perjumpaan dan perbincangan pagi ini akan turut mencetuskan cadangan-cadangan baik untuk pihak Kementerian Kesihatan mengambil perhatian dan penelitian, semata-mata bagi kemanfaatan kesepaduan untuk membangun sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan negara yang mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sekian. *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

90 Pelatih PPB terima sijil



SETIAUSAHA Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut (kanan) hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan Anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan Lelaki bagi Program Pembangunan Belia (PPB) Sesi Julai 2018 kepada Awang Muhd. Wazien bin Shahrin dan Anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan Perempuan bagi PPB Sesi Julai 2018 kepada Dayang Siti Nuraimie binti Awang Abd. Rahman (kiri dan kanan).

KETUA PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

TANAH JAMBU, Khamis, 20 Disember. - Dayang Siti Nuraimie binti Awang Abd. Rahman dan Awang Muhd. Wazien bin Shahrin masing-masing menerima Anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan Perempuan dan Lelaki bagi Program Pembangunan Belia (PPB) Sesi Julai 2018.

Pada Majlis Perbarisan Tamat Kursus Pelatih PPB Sesi Julai 2018 yang berlangsung di pusat berkenaan, 28 daripada 90 Pelatih PPB juga menerima sijil dan anugerah masing-masing dalam kategori tertentu mengikut program dan sebagai hadiah galakan.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan sijil-sijil dan anugerah kepada para pelatih ialah Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan Ikrar Belia, kemudian

diteruskan dengan memeriksa perbarisan oleh tetamu kehormat.

Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan Cenderahati kepada Majlis Perwakilan Pelajar, ketua dan penolong rumah sukan juga penyampaian hadiah kepada para Pelatih Terbaik Keseluruhan dalam lima Kategori Lelaki dan Perempuan.

Acara diikuti dengan penyampaian hadiah kepada para Pelatih Terbaik bagi setiap Kursus dan para Penghuni Asrama Terbaik Keseluruhan dalam Kebersihan bagi Asrama Lelaki dan Perempuan.

Kemuncak acara majlis ialah penyampaian hadiah kepada para Pelatih Terbaik Keseluruhan Lelaki dan Perempuan bagi Sesi Julai 2018.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Ketua PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman menjelaskan, para pelatih yang menamatkan kursus mereka akan menjalani Program Penempatan Kerja, sama ada di sektor kerajaan atau sektor swasta, berdasarkan

latihan kemahiran yang diikuti di pusat tersebut.

Menurutnya lagi, PPB pada masa ini menawarkan 10 buah kursus kepada para belia yang berminat dan tidak bekerja atau sedang mencari pekerjaan dan tidak bersekolah.

Dalam pada itu jua tambahnya, PPB turut melaksanakan beberapa program jangka pendek yang dilaksanakan dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan dan kursus-kursus singkat yang dilaksanakan, tertakluk kepada keperluan pasaran yang ada di Negara Brunei Darussalam.

Majlis tersebut antara lain dilaksanakan untuk menanam sikap bekerjasama, daya saing jati diri dan percaya diri yang akan menjadi asas kehidupan pelatih pada masa depan, selain memupuk sikap memajukan dan bertanggungjawab kepada diri sendiri juga orang lain.

Dengan adanya program

sedemikian diharap akan dapat memberikan pendedahan kepada para pelatih berkaitan aktiviti luar yang berkebiasaan dalam meningkatkan disiplin, kesihatan dan kecergasan para pelatih tersebut juga warga kerja PPB sendiri.



SEBAHAGIAN ibu bapa yang hadir pada Majlis Perbarisan Tamat Kursus Pelatih PPB Sesi Julai 2018.

Syafiq Afeef pilih Islam sebagai pegangan hidup



PEMANGKU Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Muhammad Irwan bin Haji Hambali semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman yang berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Disember. - Syiar Islam di negara ini terus berkembang apabila seorang lelaki berbangsa Iban memilih agama Islam sebagai

pegangan hidup dan anutan sebenar.

Majlis Pengislaman beliau berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Muhammad Irwan bin Haji Hambali.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah Wilfred Mark Junior anak Jamit, 20, yang memilih nama Islam sebagai Syafiq Afeef bin Abdullah Jamit.



WILFRED Mark Junior anak Jamit, 20, melafazkan ikrar masuk Islamnya dan memilih nama Islam sebagai Syafiq Afeef bin Abdullah Jamit.

Majlis Pengislaman yang disempurnakan oleh pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman, Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah di sini turut diserikan dengan Dikir Marhaban bagi saudara baharu yang

diraikan. Menurut statistik yang diterima, dari Januari hingga November 2018, seramai 359 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara di mana 179 daripadanya dari Daerah Brunei dan Muara.

Pencapaian cemerlang anggota TLDB dihargai



PEMERINTAH Tentera Laut Diraja Brunei, Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad selaku tetamu kehormat menyampaikan anugerah dan sijil kepada para penerima (kiri dan kanan).

Peronda Kelas Darussalam kepada dua Pegawai Kanan, iaitu 587 Kdr Md. Azrin bin Haji Mahmud, TLDB dan 613 Kdr Sonny Iskandar bin Rasani, TLDB. Manakala Sijil Awasan Anjungan disampaikan kepada 12 Pegawai Muda, manakala Anugerah 'Rules of the Road Master' diberikan kepada 951 Leftenan Mohammad Arif bin Tajuddin, TLDB.

Di samping itu, anugerah dan Sijil Juragan, Sauh Emas dan Bintang Harapan juga telah disampaikan kepada Pegawai-pegawai Tidak Bertauliah (PTB) Kanan dan PTB-PTB Rendah yang diberikan pengiktirafan dari segi profesionalisme, mutu kepimpinan dan tanggungjawab kerja. Manakala Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Terbaik bagi anggota TLDB turut disampaikan.

Tahun ini, TLDB juga memperkenalkan Anugerah Jurutera Harapan yang memberikan pengiktirafan kepada pegawai dan PTB Kanan yang telah mempamerkan mutu kerja yang memuaskan.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Imam Surau Al-Huda, Haji Mohd. Andy bin Saile.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

MUARA, Jumaat, 21 Disember. - Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) telah mengadakan Perbarisan Akhir Tahun TLDB Bagi Tahun 2018 di Padang Kawad TLDB yang dipimpin oleh Leftenan Komander Malai

Haszahrin bin Malai Yusof, TLDB.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemerintah TLDB, Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad.

Acara dimulakan dengan ucapan perutusan daripada Pemerintah TLDB yang antaranya menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan seterusnya melafazkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Pemerintah TLDB juga menyampaikan rasa penghargaan atas pencapaian dan perkembangan yang melibatkan TLDB sepanjang tahun 2018.

Acara diteruskan dengan penyampaian anugerah dan Sijil Pegawai Pemerintah Kapal

360 pelajar kurang berkemampuan terima sumbangan



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny (kanan) menyampaikan sumbangan peralatan dan keperluan sekolah bagi sesi persekolahan tahun 2019 dari YSHHB kepada wakil penerima (kiri), sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis penyampaian sumbangan berkenaan yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB di ibu negara.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Disember. - Seramai 360 pelajar dari 119 buah keluarga yang kurang berkemampuan dari seluruh negara hari ini menerima sumbangan peralatan dan

keperluan sekolah bagi sesi persekolahan tahun 2019 dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB). Sumbangan disampaikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato

Paduka Haji Sunny pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Sumbangan adalah dalam bentuk kupon bagi pembelian peralatan dan keperluan sekolah dan buku latihan, yang mana setiap pelajar menerima kupon bernilai BND73 bagi seramai 206 pelajar sekolah rendah dan BND84 bagi seramai

150 pelajar sekolah menengah.

Penyampaian merupakan peringkat (kumpulan) kedua di mana kumpulan pertama seramai 356 pelajar dari 124 buah keluarga yang kurang berkemampuan juga telah menerima sumbangan seumpamanya kelmarin, manakala kumpulan ketiga seramai 356 orang pelajar daripada 124 buah keluarga yang kurang

berkemampuan juga akan menerima sumbangan Jumaat ini.

Dengan sumbangan tersebut dihasrat untuk memeduli hal ehwal pendidikan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan di samping membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak mereka, khususnya bagi persediaan penggal awal persekolahan tahun 2019.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi lambang pembentukan dan perpaduan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Selaras dengan tujuannya bagi memeduli kebajikan dan kesejahteraan rakyat, khususnya mereka yang kurang berkemampuan, YSHHB menyampaikan sumbangan peralatan dan keperluan sekolah kepada seramai 1,072 pelajar daripada sebanyak 367 buah keluarga yang kurang berkemampuan di seluruh negara, iaitu bagi sesi persekolahan tahun 2019.



Kenali budaya dan tradisi masyarakat kitani

Tarik Kalat sukan warisan, erat hubungan

PERMAINAN tradisional boleh dilihat sebagai lambang budaya dan juga saluran yang cekap dalam menyampaikan kepelbagaian masyarakat dan nilai budaya. Permainan tradisional turut mempunyai manfaat kepada kehidupan dan membina kecergasan fizikal para pemain. Namun pada zaman IT kini, dengan banyaknya ciptaan permainan video, aplikasi untuk kegunaan komputer, telefon pintar dan tablet, membuatkan permainan tradisional ini kian dilupakan.

Tambahan lagi, permainan melalui peralatan canggih ini boleh dimain secara perseorangan atau dengan rakan maya. Malah sesetengah kanak-kanak sekarang ini tidak berminat untuk berinteraksi dengan masyarakat luar dan lebih suka menyendiri dengan bermain permainan video.

Namun dalam era pembangunan yang serba canggih ini masih terdapat satu permainan / sukan yang masih kekal melekat di hati masyarakat kita di negara ini, iaitu sukan Tarik Kalat, bahkan ia juga merupakan satu sukan yang menjadi kegemaran raja yang kita kasihi, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malahan Tarik Kalat ini juga menjadi sukan kegemaran Al-Marhum ayahanda baginda, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien serta kerabat diraja lainnya. Sukan ini juga menjadi satu sukan warisan kita sehingga kini dan masih mendapat tempat di masyarakat kita tanpa mengira usia umur dan bangsa.

Tarik Kalat merupakan antara permainan *outdoor* tradisi yang masih popular sehingga sekarang yang lazim dipertandingkan



TARIK Kalat merupakan antara permainan *outdoor* tradisi yang masih popular sehingga sekarang (atas, bawah kiri dan bawah kanan).

sempena perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perkataan 'Tarik' bermakna tarik, manakala 'Kalat' adalah tali yang digunakan dalam permainan 'Tarik Kalat'. Tali yang digunakan tersebut berukuran kira-kira 231 kaki panjang dengan diameter empat, enam atau tujuh inci. Untuk

perlawanan pada peringkat kebangsaan di negara ini, tali yang digunakan berukuran enam atau tujuh inci. Sementara itu, tali yang digunakan akan ditanda di tengah dengan satu garis.

Sebanyak dua pasukan bagi permainan Tarik Kalat yang disertai seramai lapan orang (penarik) pemain. Setiap pasukan akan menarik tali terhadap pasukan penentang bagi menguji kekuatan dengan menarik tali dan pasukan yang berjaya menarik tali yang bertanda digaris tengah memenangi permainan tersebut. Lebih penting acara ini bukan setakat untuk mencari siapa terhebat, tetapi semangat setia kawan dan muhibah dalam kalangan pemain kerana itulah ia patut dipelihara dan diteruskan permainannya untuk generasi akan datang kerana ia adalah warisan yang turun temurun daripada nenek moyang kita.

Tarik Kalat ini juga bukan sekadar mengeratkan hubungan sesama rakyat dan penduduk di negara kita bahkan juga ia mampu mengukuhkan ikatan persaudaraan dan persahabatan negara-negara jiran kerana itu juga acara tersebut wajar diteruskan sebagai wadah ke arah memperkukuhkan lagi kemesraan yang terjalin sejak sekian lama di kalangan penduduk Brunei tetapi

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

juga dalam kalangan penduduk, seperti Sarawak dan Sabah.

Memandangkan kita sudah berada pada zaman globalisasi dan IT, populariti permainan tradisional agak terhambat. Oleh itu, pendekatan yang sesuai adalah

perlu bagi memartabatkan seni permainan tradisional di negara ini. Ini penting agar generasi akan datang tidak memandang sinis terhadap permainan tradisi yang kita warisi daripada nenek moyang kitani.





Apa Pendapat Biskita?

Bijak tangani bonus

TAHUN 2018 akan berakhir meninggalkan kita, dan tentunya banyak orang menantikan detik tahun baharu 2019. Tidak hanya dijadikan sebagai momen untuk menghabiskan Bersuka ria bersama keluarga atau teman, namun yang jelas setiap penghujung tahun di bulan Disember ini juga detik-detik yang sangat dinantikan, iaitu pemberian bonus di akhir tahun. Jadi apakah rencana atau perancangan kita semua untuk bonus akhir tahun tersebut, bagaimana kita manfaatkannya?

"Bonus ... Setiap kita yang bekerja dengan kerajaan pastinya menantikan saat-saat pembayaran bonus mengikut prestasi kerja yang kita lakukan sepanjang tahun dan apa yang penting ialah bagaimana kita mengolah perancangan kewangan bonus kita tersebut, bagi saya, dengan adanya bonus ini ia sangat berguna jika ia digunakan secara tepat, bahkan ia dapat membantu di dalam menampung perbelanjaan kita di pelbagai sudut, terutama sekali bagi persediaan persekolahan anak-anak, selain ia juga dapat memperbaiki kondisi kewangan kita secara tidak langsung dan ini juga tergantung bagaimana kita memperlakukannya. Tetapi sering kali kita melihat kebanyakan orang mempergunakan bonus mereka untuk menyenangkan diri sendiri, itu tidak salah asalkan kita tahu batas perbelanjaan kita dan memikirkan untuk lebih kegunaan masa depan mahupun di saat darurat yang kita tidak ketahui terjadi. Bagi saya sendiri setiap kali menerima bonus dan juga gaji saya akan membuat perancangan terawal berapa bonus yang diterima dan menyediakan jumlah simpanan yang akan disimpan untuk kegunaan pada masa hadapan selain menyimpan sedikit untuk kegunaan harian sebagai tampungan perbelanjaan dan dengan cara ini ia sedikit sebanyak membantu di dalam perbelanjaan dan simpanan saya." - **Azmi Ainul Fakri, Telanai.**

"Bonus merupakan hari yang ditunggu-tunggu bagi kebanyakan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sebahagian kakitangan swasta di negara ini apatah lagi ia disertakan dengan pengeluaran gaji sekali gus. Bagi kita semua 'imbuhan' itu bukan saja sebagai tanda penghargaan, malahan juga sebagai motivasi dalam meningkatkan mutu kerja, setelah menyumbangkan khidmat bakti penat lelah bekerja selama 12 bulan. Pada saya sebagai salah seorang kakitangan kerajaan berasa bersyukur dengan keistimewaan yang diterima dan memanfaatkannya dengan sebaiknya kepada perkara-perkara yang berfaedah dan bukan untuk perbelanjaan yang boleh membawa kepada pembaziran kerana kita juga sedia maklum kebanyakan para ibu bapa khususnya ternanti-nantikan saat sebegini, kerana perlu membuat persediaan bagi musim persekolahan anak-anak awal tahun depan dan yang penting dengan adanya bonus kini juga membolehkan kita menabung untuk masa depan." - **Fadzil Harun, BSB.**

"Bagi saya pada setiap kali pemberian bonus kita pasti telah terfikir untuk sesuatu yang kita perlukan, bahkan ada sebahagian kita akan pergi keluar negara sehari atau beberapa hari pemberian bonus tersebut. Namun bagi saya setiap kali menerima bonus saya lebih memilih untuk berbelanja di negara sendiri kerana ia lebih memudahkan saya tanpa perlu menambah kos penginapan atau perjalanan ke luar negara yang mana kos perbelanjaan juga boleh digunakan lagi bagi kegunaan lainnya. Selain itu, dengan berbelanja di negara sendiri ia sedikit sebanyak dapat membantu para peniaga tempatan." - **Raziah binti Haji Puasa, Gadong.**

"Pada setiap tahun menerima bonus saya dan keluarga menggunakannya untuk berbelanja membeli keperluan seharian seperti barangan dapur dan juga bagi keperluan persekolahan untuk anak kami yang akan bersekolah pada tahun depan, manakala sebahagian bonus tersebut biasanya akan kami simpan untuk keperluan bagi sebarang kecemasan." - **Hayati binti Ramly, BSB.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn
i. Persediaan buka sekolah
ii. Azam baharu menjelang 2019

Aktiviti kekeluargaan eratkan tali persaudaraan



PARA pemenang bergambar ramai pada penyampaian hadiah acara Fun Day Keluarga Awang Haji Zunaidi di Kampung Tanjong Maya, Tutong (atas), sementara gambar bawah, antara keluarga yang mengambil bahagian dalam salah satu aktiviti yang diadakan pada acara Fun Day Keluarga berkenaan.



Berita dan Foto :
Ihsan Ajees Hamdan

TUTONG, Rabu, 19 Disember. - Bersempena cuti persekolahan akhir tahun, bermacam-macam aktiviti dirancang bagi mengisi masa lapang bersama keluarga seperti pergi melancong keluar negara, beriadah dan mengadakan perkhemahan.

Baru-baru ini, keluarga Awang Haji Zunaidi mengadakan acara Fun Day Keluarga berbentuk acara sukan, bertempat di Kampung Tanjong Maya, Tutong.

Menurut salah seorang ahli keluarga mengatakan dengan acara sebegini ia dapat mengumpulkan semua ahli keluarga dan lebih-lebih lagi yang jarang bertemu kerana urusan kerja dan tinggal di daerah lain dan berjauhan. Dengan adanya sukan sedemikian, ia dapat membantu mengeratkan lagi silaturahim dan mengenal keluarga yang jauh.



MINDA

PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Langkah Untuk Membendung Gejala Rasuah'. Tarikh Tutup : 26 Disember 2018
2. 'Program Khidmat Bakti Negara Bentuk Belia Cemerlang'. Tarikh Tutup : 2 Januari 2019
3. 'Berbelanja Dengan Berhemat Jamin Kesejahteraan'. Tarikh Tutup : 9 Januari 2019

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi

BND75

Setiap Minggu



Bersedekah amalan mulia dan terpuji

seperti amalan bersedekah. Sesungguhnya harta yang kita miliki bukanlah milik mutlak kita semata-mata akan tetapi di dalamnya terdapat hak atau milik orang lain.

Menginfakkan atau membelanjakan harta dengan bersedekah, menderma, mengeluarkan zakat atau wakaf bukan sahaja dapat membantu golongan fakir atau miskin dan membantu orang yang memerlukan, bahkan ia juga dapat membantu diri kita sendiri, iaitu melatih jiwa kita untuk menjadi orang yang sentiasa berbuat baik, sentiasa bersedia untuk memberi pertolongan kepada orang-orang yang memerlukan, menyucikan hati, bersifat prihatin, menanamkan sifat belas kasihan, menjauhkan diri daripada sifat sombong dan mementingkan diri sendiri dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 272 :

Tafsirnya :

"Dan apa jua harta yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (pahalanya) untuk diri kamu sendiri. Dan kamu tidak pula membelanjakan (sesuatu) melainkan kerana mengharapkan keredaan Allah. Dan apa jua harta yang kamu belanjakan, akan disempurnakan (ganjaran pahalanya) kepada kamu. Dan kamu pula tidak dianiyai (tidak dikurangkan pahala)."

Bersedekah merupakan amalan mulia dan terpuji yang memberi 'laba' atau keuntungan kepada orang yang memberi dan bagi orang yang menerimanya. Orang yang bersedekah sama ada dalam bentuk wang ringgit atau barang-barang keperluan mendapat balasan pahala dan bagi orang yang menerimanya pula dapat menggunakan sedekah tersebut bagi memenuhi keperluan hidup malah boleh melapangkan hatinya dan menggembirakan mereka.

Ingatlah wahai kaum Muslimin bahawa amalan bersedekah bukannya menyempitkan atau mengurangkan rezeki kita, bahkan ia boleh meluaskan dan menambahkan lagi rezeki kita. Itulah janji Allah Subhanahu Wata'ala yang pasti terjadi dan tidak akan dimungkiri.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 265 :

Tafsirnya :

"Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta-harta mereka kerana mengharap keredaan Allah dan

"KETAHUILAH, sedekah itu mencakupi pelbagai bentuk bukan sahaja berupa wang ringgit, bahkan juga dalam bentuk bantuan, pertolongan dan sesuatu yang menggembirakan atau yang kita berikan kepada saudara-mara, rakan taulan atau sesiapa sahaja, hatta senyuman kita kepada orang lain pun dianggap sebagai satu sedekah, menghalalkan atau melepaskan hutang adalah sedekah, setiap perkataan yang baik adalah sedekah, setiap langkah menuju masjid adalah sedekah, membuang sesuatu yang berbahaya di jalan adalah sedekah, setiap amalan dan perbuatan makruf adalah sedekah, meredakan dan mengikhlaskan tanaman dan buah-buahan yang dimakan atau dirosakkan oleh manusia dan binatang pun termasuk sedekah. Oleh yang demikian, ia akan diberi pahala sedekah bagi setiap apa yang hilang, rosak dan dimakan itu."

kerana keyakinan yang teguh daripada jiwa mereka samalah seperti sebuah kebun di tanah tinggi (yang subur), yang ditimpa hujan lebat lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda (banyaknya). Jika sekiranya ia tidak ditimpa hujan yang lebat maka (dengan) hujan renyai-renyai (pun memadai). Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."

Dalam bersedekah kita hendaklah ikhlas dan jangan sesekali menyebut-nyebut atau mengungkit-ungkit sedekah tersebut apatah lagi bersedekah dengan tujuan untuk menunjuk-nunjuk kerana perbuatan yang sedemikian boleh merosakkan amalan bersedekah itu dan menjadi sia-sia. Sesungguhnya antara ganjaran dan kelebihan yang diperolehi oleh orang yang bersedekah itu ialah :

Pertama : Menyucikan hartanya,

Kedua : Menyucikan badannya,

Ketiga : Menolak bala dan penyakit,

Keempat : Menggembirakan orang miskin dan orang Mukmin,

Kelima : Diberi keberkatan pada hartanya serta diluaskan rezekinya,

Keenam : Diberi naungan pada Hari Kiamat pada waktu yang sangat panas,

Ketujuh : Diringankan hisabnya,

Kelapan : Diberatkan timbangannya,

Kesembilan : Mudah meniti Siratul Mustaqim, dan

Kesepuluh : Bertambah darjatnya di dalam syurga.

Bersedekah adalah amalan yang mulia dan terpuji serta tanda bersyukur kita terhadap nikmat rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan bersedekah boleh menjauhkan diri seseorang daripada bersifat kedekut, bakhil dan tamak haloba. Bagi orang-orang yang tidak mempunyai wang dan harta yang banyak untuk dijadikan sebagai sedekah, maka hendaklah mengambil peluang melakukan apa sahaja perlakuan atau perbuatan yang berunsurkan sedekah.

Ketahuiilah, sedekah itu mencakupi pelbagai bentuk bukan sahaja berupa wang ringgit, bahkan juga dalam bentuk bantuan, pertolongan dan sesuatu yang menggembirakan atau yang kita berikan kepada saudara-mara, rakan taulan atau sesiapa sahaja, hatta senyuman kita kepada orang lain pun dianggap sebagai satu

sedekah, menghalalkan atau melepaskan hutang adalah sedekah, setiap perkataan yang baik adalah sedekah, setiap langkah menuju masjid adalah sedekah, membuang sesuatu yang berbahaya di jalan adalah sedekah, setiap amalan dan perbuatan makruf adalah sedekah, meredakan dan mengikhlaskan tanaman dan buah-buahan yang dimakan atau dirosakkan oleh manusia dan binatang pun termasuk sedekah. Oleh yang demikian, ia akan diberi pahala sedekah bagi setiap apa yang hilang, rosak dan dimakan itu.

Alhamdulillah pada ketika ini Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi, perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim dan SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah pun dilancarkan dan dibukakan kepada orang ramai. Tabung-tabung ini dibukakan untuk memberi peluang kepada orang ramai khususnya umat Islam di negara ini untuk bersedekah dan menginfakkan harta bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Melihat betapa besarnya ganjaran yang diperolehi melalui amalan bersedekah atau berderma itu maka marilah kita mengambil peluang dan kesempatan keemasan ini untuk melakukan amal jariah dengan berderma melalui tabung-tabung yang telah disediakan di masjid. Mudah-mudahan apa yang kita dermakan dan infakkan dengan tulus ikhlas diterima di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan kita akan mendapat keredaan, keberkatan, ganjaran pahala dan rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Yaa Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Saba', ayat 39 :

Tafsirnya :

"Katakanlah : Sesungguhnya Tuhanku meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkan (kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya), dan apa sahaja yang kamu belanjakan (untuk kebaikan) maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki."

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Islam adalah agama kasih sayang, agama persaudaraan sesama insan dan tidak pernah membezakan antara golongan yang miskin mahupun yang kaya. Oleh itu, kita dianjurkan untuk hidup saling bantu-membantu dan tolong-menolong di antara satu sama lain tanpa mengira keturunan, bangsa, keluarga, jiran, rakan atau sesiapa sahaja sama ada yang kita kenali ataupun tidak. Kerana dengan bantu-membantu dan tolong-menolong akan dapat menimbulkan sifat hormat-menghormati dan saling menyayangi di antara satu sama lain.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 :

Tafsirnya :

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya."

Salah satu cara untuk melaksanakan konsep tolong-menolong atau bantu-membantu adalah dengan mengerjakan amal kebajikan, iaitu menginfakkan atau membelanjakan harta pada jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala

"BERSEDEKAH merupakan amalan mulia dan terpuji yang memberi 'laba' atau keuntungan kepada orang yang memberi dan bagi orang yang menerimanya. Orang yang bersedekah sama ada dalam bentuk wang ringgit atau barang-barang keperluan mendapat balasan pahala dan bagi orang yang menerimanya pula dapat menggunakan sedekah tersebut bagi memenuhi keperluan hidup malah boleh melapangkan hatinya dan menggembirakan mereka."

Tiga filem *box office* Pakistan ditayangkan



PEMANGKU Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Ahmed Ali Sirohey dan Pengarah Brunei Film Blitz, Siti Kamaluddin semasa hadir pada pembukaan tayangan filem Pakistan yang berlangsung di Mahakarya Institute of Arts, Plaza Athirah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Disember. - Brunei Film Blitz yang disokong bersama Suruhanjaya Tinggi Pakistan di Negara Brunei Darussalam, Al Bukhari Textiles serta Restoran dan Perkhidmatan Katering Seri Damai hari ini melancarkan Hari Penghargaan Filem 'The Real Pakistan' dengan menayangkan tiga buah filem *box office* dari Republik Pakistan.

Tayangan filem yang bergenre komedi tersebut ialah 'Na Maloom

Afraad (Unidentified Persons)', diikuti dengan 'Na Maloom Afraad 2' dan 'Actor in Law'.

Hadir pada pembukaan tayangan filem Pakistan yang berlangsung di Mahakarya Institute of Arts, Plaza Athirah itu ialah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Ahmed Ali Sirohey dan Pengarah Brunei Film Blitz, Siti Kamaluddin.

Panggung Pakistan telah memainkan peranan penting dalam

kebudayaan negara tersebut. Bermula 2003, pengarah filem muda di Karachi membuat percubaan pembikinan filem dan menerbitkan filem kos rendah untuk menunjukkan bahawa pengisian berkualiti tinggi dapat dihasilkan di Pakistan menggunakan sumber yang terhad.

Ahmed Ali Sirohey ketika ditemui oleh pihak media menjelaskan, pihaknya berhasrat untuk mewujudkan hubungan antara industri perfileman Brunei bersama industri perfileman Pakistan di mana mereka mempunyai industri perfileman yang sudah berkembang di Karachi.

"Kami juga ingin menjemput pakar-pakar industri filem tempatan untuk datang ke Pakistan bagi mempelajari dan berjumpa dengan pengarah dan penerbit filem yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang ini agar dapat meraih manfaat yang diperlukan dalam membantu industri filem tempatan berkembang maju," ujarnya.

Justeru itu tambahnya, melalui pihak Suruhanjaya merancang untuk menjalinkan kerjasama dengan industri di Negara Brunei Darussalam dan berharap akan dapat bekerjasama dalam menghasilkan program-program

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

radio atau televisyen di antara kedua-dua negara.

Beliau juga menganggap filem dan media adalah alat yang sangat berkuasa (*powerful tool*) yang boleh menghubungkan orang ramai dan mampu mempamerkan adat dan kebudayaan sesuatu negara kepada dunia.

Sementara itu, Pengarah Brunei Film Blitz, Siti Kamaluddin pula berkata, filem yang ditayangkan tersebut merupakan antara filem yang menghidupkan semula pawagam Pakistan dan melancarkan gelombang baharu.

'Na Maloom Afraad (Unidentified Persons)' tambahnya, berjaya meraih USD1.3 juta hasil tayangannya dan merupakan filem pertama yang mencatat sejarah tayangan terpanjang di pawagam, iaitu selama 165 hari (22 minggu).

Menurutnya lagi, seperti dimaklumi, Negara Brunei Darussalam masih lagi baru dalam perfileman dan mereka berhasrat untuk memulakan industri perfileman di negara ini.

Dengan tayangan filem Pakistan tersebut memperlihatkan

bagaimana kebudayaan dapat diperoleh daripada filem dan ia juga diharat agar para pembuat filem tempatan akan lebih memahami kepentingan wayang-wayang tempatan dalam usaha untuk menaikkan dan menempatkan Brunei dalam peta dunia, khususnya industri filem global.

Brunei Film Blitz yang dianjurkan sempena Brunei December Festival 2018 mengetengahkan pelbagai aktiviti berkaitan dengan perfileman yang bermula sejak 9 Disember lalu dan akan berlangsung sehingga 29 Disember ini.

Brunei Film Blitz kali ini juga akan mengadakan pertandingan pembikinan filem pendek, '96 Hour Blitz', yang mana para peserta diberi masa 96 jam atau empat hari sahaja bagi menghasilkan sebuah filem pendek berdurasi tidak kurang tiga minit dan tidak melebihi enam minit.

Maklumat lanjut mengenai Brunei Film Blitz boleh dilayari melalui laman sesawang www.bruneifilmblitz.org.

AMBD tetapkan strategi ke arah 'Digital Payment Nation'

Siaran Akhbar :
Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Disember. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menerbitkan 'Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam 2019-2025' yang merupakan salah satu inisiatif strategik ke arah transformasi industri pembayaran negara kepada pembayaran secara digital. Roadmap yang menetapkan strategi ke arah 'Digital Payment Nation' adalah selaras dengan strategi di bawah Financial Sector Blueprint 2016-2025 (FSBP) serta visi Wawasan Brunei 2035 dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi secara dinamik.

Transformasi digital tersebut akan mengambil kira tiga objektif utama, iaitu keseimbangan dalam peraturan dan inovasi; penggunaan 'Open Digital Payment'; serta kesedaran dan pendidikan orang ramai.

Sasaran utama, iaitu keseimbangan dalam peraturan dan inovasi, memerlukan perkembangan dalam peraturan pembayaran yang sedia ada bagi mengekalkan kestabilan dalam sektor kewangan, mempromosikan kerjasama antara pihak-pihak yang berkenaan dan membolehkan institusi-institusi kewangan serta pembekal-pembekal sistem pembayaran untuk mencipta penyelesaian kewangan yang inovatif di negara ini.

Objektif kedua pula adalah bagi mempercepatkan penerimaan penggunaan solusi pembayaran secara digital yang mempromosikan

interoperability pasaran dan menggalakkan persaingan secara kompetitif. Teknologi baharu yang inovatif boleh mengurangkan halangan kepada penerimaan penggunaan dan memperkenalkan mekanisme pembayaran yang selamat dan kos efektif bagi penerimaan dalam kalangan para peniaga.

Ketiga, usaha bersama di antara AMBD dan pihak-pihak berkenaan untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan orang ramai mengenai pembayaran secara digital agar dapat membina kepercayaan dan keyakinan terhadap penggunaannya.

AMBD menjangkakan peningkatan kerjasama yang bersepadu dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam membangunkan platform pembayaran digital yang selamat, cekap dan berdaya tahan. Ini akan mengembangkan teknologi kewangan di negara ini serta membolehkan produk dan perkhidmatan kewangan yang baru untuk diperkenalkan.

Sejak penubuhan AMBD pada tahun 2011, beberapa pembangunan infrastruktur pasaran kewangan domestik telah dicapai, termasuk sistem Real Time Gross Settlement (RTGS) pada tahun 2014; sistem Automated Clearing House (ACH) pada tahun 2016; dan sistem Central Securities Depository (CSD) pada tahun 2017. Penggunaan Direct Credit Transfer dalam sistem ACH yang telah beroperasi mulai Februari 2017 telah menyumbang kepada

pengurangan penggunaan cek fizikal sebanyak 18 peratus pada tahun ini, dibandingkan dengan tahun 2016. Nilai cek yang diproses pada tahun 2018 berbanding dengan tahun sebelumnya juga dijangka menurun sebanyak 27 peratus.

Di era Revolusi Industri ke-empat ini, tahap celik teknologi kian meningkat dan penggunaan teknologi telah menjadi norma di kalangan masyarakat. Penerbitan Roadmap ini diharap akan dapat menjadi panduan bagi semua pihak berkepentingan dalam industri pembayaran untuk menghadapi cabaran dalam memperkenalkan ekonomi digital di Negara Brunei Darussalam dan memenuhi keperluan generasi akan datang.

AMBD akan mengukuhkan pengurusan risiko teknologi dan keselamatan siber secara berterusan dengan memberi panduan peraturan kepada institusi-institusi kewangan industri dan juga menjalankan pemeriksaan *on-site* dan *off-site* bagi memantau dan mengawalselia pengurusan teknologi dan keselamatan siber dalam institusi-institusi kewangan. AMBD juga telah melancarkan FinTech Regulatory Sandbox, di bawah Pejabat FinTech, untuk membolehkan syarikat atau perniagaan yang berkecayaan menguji produk atau *solution* mereka dengan cara yang selamat dan cekap sambil menerima sokongan dari segi pengawalseliaan dari AMBD.

Maklumat lanjut mengenai Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam 2019-2025 boleh didapati di laman sesawang AMBD di www.ambd.gov.bn.

95 belia sertai Perkhemahan Asas Pemimpin 5.0



ANTARA belia yang menyertai Perkhemahan Asas Pemimpin 5.0 (Leaders Foundation Camp 5.0) di Perkampungan Sukan Berakas.

Berita dan Foto : Ihsan Generasi Bekarih

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Disember. - Seramai 95 belia terdiri daripada 34 lelaki dan 61 perempuan menyertai Perkhemahan Asas Pemimpin 5.0 (Leaders Foundation Camp 5.0) di Perkampungan Sukan Berakas, di sini.

Perkhemahan yang berlangsung selama tiga hari dua malam tersebut disertai belia dari keempat-empat daerah yang berumur antara 16 hingga 25 tahun dari pelbagai sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab serta pelajar-pelajar tempatan daripada universiti-universiti di dalam dan luar negara.

Program yang mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai itu bertujuan membantu para belia menghadapi cabaran masa kini menerusi sesi perkongsian pengalaman bersama

fasilitator - fasilitator Generasi Bekarih.

Selain itu, perkhemahan tersebut juga bertujuan untuk membina nilai moral generasi muda yang memfokuskan kepada kualiti kepimpinan, selain mengajar para belia asas-asas sebagai seorang pemimpin dan membantu mengubah cara pemikiran mereka, serta belajar cara-cara membimbing orang lain sebagai seorang pemimpin yang berkualiti.

Bagi belia-belia yang ingin menyertai perkhemahan tersebut, masih lagi berpeluang untuk mendaftar.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah mengikuti media sosial Generasi Bekarih di Instagram atau Facebook ataupun melayari laman sesawang www.generasibekarih.com untuk pendaftaran dalam talian.

PPDB eratkan silaturahmi bersama PK



UNIT Pengawasan Kejiranan Balai Polis Bangar, Daerah Polis Temburong membuat pendekatan di kediaman Penghulu Mukim Bangar, Haji Abdul Rahman bin Merusin.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Disember. - Bagi mempertingkatkan dan mengeratkan hubungan silaturahmi antara masyarakat Ahli Pengawasan Kejiranan (PK) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), aktiviti-aktiviti bersama Ahli-ahli PK terus dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Di Daerah Belait, Balai Polis Sungai Labi menggerakkan Operasi Rondaan Pencegahan Jenayah bersama Ahli PK Kampung Merangking pada 19 Disember.

Turut hadir, Pemangku Ketua Kampung Merangking, Awang Raimy bin Abdullah bersama beberapa Ahli PK Kampung Merangking.

Operasi rondaan dijalankan secara berjalan kaki dan menggunakan kenderaan di sekitar kawasan Kampung Merangking.

Rondaan selama dua jam tersebut diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Labi, Inspektor Mohd. Nazmi bin Haji Ismail bersama anggota-anggota balai.

Dalam masa yang sama, Balai Polis Seria juga menjalankan Operasi Rondaan Pencegahan Jenayah bersama Ahli PK Kampung Panaga 2000 di sekitar

kawasan RPN Kampung Panaga 2000.

Hadir menyertai rondaan Pemangku Penghulu Mukim Seria, Haji Saidin bin Haji Ibrahim bersama tujuh Ahli PK Kampung Panaga 2000. Anggota-anggota balai diketuai oleh Focal Point Unit PK Balai Polis Seria.

Semasa rondaan pencegahan jenayah dijalankan, tidak ada menjumpai sebarang kejadian jenayah atau kegiatan yang mencurigakan berlaku.

Manakala di Daerah Temburong, Unit PK Balai Polis Bangar, Daerah Polis Temburong membuat pendekatan ke kediaman Penghulu Mukim Bangar, Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin.

Menyertai program tersebut ialah Ahli-ahli PK Kampung Puni seramai lapan orang dan aktiviti diselenggarakan dengan Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran.

Hadir mengetuai, Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Bangar, Inspektor Alif Nur Khaliq bin Haji Mat Rasil bersama 10 anggota balai.

Program pendekatan tersebut diadakan antara lain bertujuan untuk meningkatkan keyakinan komuniti setempat dalam soal keselamatan masyarakat.

Menawarkan aktiviti tidak bermoral : Warga Filipina diberkas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BRUNEI MUARA, Khamis, 20 Disember. - Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat Jabatan

Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya membongkar aktiviti dan kegiatan yang tidak bermoral.

Serbuan yang dijalankan berhasil memberkas seorang wanita warga asing di sebuah flat, kawasan Kampung Kianggeh dipercayai terlibat menawarkan kegiatan khidmat seks.

Semasa serbuan, pihak polis menemukan beberapa bahan bukti seperti beberapa kepingan kondom dan wang tunai di lokasi kejadian dipercayai untuk tujuan kegiatan tersebut.

Suspek wanita, bernama Maria Junabel Virtudazo, berumur 32 tahun, warganegara Filipina bersama semua bahan bukti dibawa ke Jabatan Siasatan Jenayah untuk dijalankan siasatan lanjut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 294A Kesalahan Menawarkan Khidmat Seks, Kanun Hukuman jenayah Penggal 22.



SUSPEK wanita bernama Maria Junabel Virtudazo, berumur 32 tahun, warganegara Filipina diberkas di sebuah flat, kawasan Kampung Kianggeh dipercayai terlibat menawarkan kegiatan khidmat seks.



PIHAK polis menemukan beberapa bahan bukti seperti beberapa kepingan kondom dan wang tunai di lokasi kejadian dipercayai untuk tujuan kegiatan tersebut.

Tingkatkan mutu perfileman negara

Berita : Ihsan Brunei Film Blitz

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Disember. - Brunei Film Blitz telah menganjurkan Bengkel Power Up sebagai bahagian inisiatif untuk menggalakkan industri perfileman di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Mahakarya Institute of the Arts Asia.

Antara perisian Bengkel Power Up ialah Director DNA; Sonic Cinemas; Kelas Survival 96 Jam Filem Blitz; Penggambaran Mengikut Belanjawan, Gambar Bersuara Dan Pengarahan Aktor Dalam Skrin.

Bengkel Power Up meliputi pelbagai disiplin pembuatan filem dan para peserta diperkenalkan kepada konsep yang mempromosikan penciptaan

kandungan yang mampan di Negara Brunei Darussalam.

Peserta Bengkel Penggambaran Mengikut Belanjawan telah diperkenalkan kepada aspek utama ekonomi pengeluaran filem.

Dari pertimbangan skrip hingga strategi promosi dalam talian, peserta belajar bagaimana untuk menganggarkan kos pengeluaran dan membangun aliran pendapatan yang berdaya maju bagi pasaran kecil seperti di Brunei Darussalam.

Kerana pengalaman adalah guru terbaik, Brunei Film Blitz turut membiayai Projek 'Eco-Blitz'.

Melalui inisiatif tersebut, peserta telah diberi subsidi belanjawan kecil untuk

menghasilkan video selama satu minit dengan tema persekitaran.

Matlamat latihan tersebut adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kos yang berkaitan dengan pengeluaran filem.

Eco Blitz juga akan mempersiapkan peserta bagi acara 96 Jam Filem Blitz yang dijadualkan pada 24 hingga 28 Disember 2018.

Pengarah Festival, Siti Kamaluddin menjelaskan, "Pasaran kecil tidak bermakna kita berhenti menceritakan kisah kita dan mempromosikan perfileman kita. Itu menandakan kita mengusahakan dalam keupayaan pasaran kita sehingga mampu menghasilkan kandungan yang memenuhi keperluan penonton global dan berkongsi pasaran dengan pasaran filem global."

Lelaki tempatan terlibat kes curi

**Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei**



SEORANG lelaki tempatan yang dikehendaki polis kerana terlibat dalam kes curi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Disember. - Seorang lelaki warga tempatan dikehendaki pihak polis dipercayai terlibat dalam kes curi di kawasan Tutong, Lamunin, Sungai Liang dan Kuala Belait.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenainya bolehlah menghubungi Balai Polis Tutong melalui talian +673 4221206 / +673 4221333) atau Hotline 993.

Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah asas kesejahteraan negara

SIRI II

ABU HASAN AL-ASY'ARI

DARI Abu Hasan Al-Asy'ari ini terbentuklah mazhab yang dinamakan 'Asya'irah'. Antara ulama besar yang mengikut mazhab ini ialah Al-Baqillani, Al-Qusyairi, Al-Juwaini dan Al-Ghazali.

Beliau (Abu Hasan Al-Asy'ari) pada mulanya adalah murid kepada bapa tirinya seorang ulama besar kaum Mu'tazilah (Sheikh Abu Ali Muhammad bin Abdul Wahab Al-Jubbaie yang meninggal pada tahun 303 hijrah). Tetapi kemudian Abu Hasan Al-Asy'ari bertaubat dan keluar dari fahaman Mu'tazilah setelah beliau berusia 40 tahun sebagai mana ucapan beliau yang masyhur di Masjid Basrah, katanya:

"Saya Abu Hasan Al-Asy'ari pada suatu masa dahulu pernah mengatakan Al-Quraan itu makhluk (baharu), bukan qadim. Allah Subhanahu Wata'ala itu tidak dapat dilihat dengan abshar (mata) dan tidak dapat dilihat di syurga. Perbuatan yang jahat itu saya sendirilah yang melakukannya bukan atas qadha' dan qadar Allah (semuanya itu ialah asas dan dasar kepercayaan Mazhab Mu'tazilah). Ketahuilah bahawa saya sekarang telah bertaubat dari kemurtadan Mu'tazilah itu. Allah telah memberi petunjuk kepada saya, saya telah membuang fahaman Mu'tazilah sebagaimana saya menanggalkan baju saya ini (sambil membuka bajunya dan meletakkannya di atas mimbar)." (Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad, 2012 : 8).

ABU MANSUR AL-MATURIDI

Di samping Abu Hasan Al-Asy'ari ada pula seorang ulama besar yang setanding dengan beliau dalam soal-soal aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah, iaitu Imam Abu Mansur Al-Maturidi. Nama lengkapnya Abu Mansur bin Mahmud Al-Hanafi Al-Mutakallim Al-Maturidi As-Samarqandi. Beliau lahir dan meninggal dunia di sebuah desa bernama Maturidi, Samarqand di Asia Tengah (Uzbekistan) pada tahun 333 Hijrah iaitu terkemudian sekitar sembilan tahun selepas meninggalnya Imam Abu Hasan Al-Asy'ari.

Sebagaimana juga Abu Hasan Al-Asy'ari, demikian juga Abu Mansur Al-Maturidi muncul pada saat terjadinya pertentangan yang hebat antara golongan Mu'tazilah dengan para ulama pada masa itu kerana pendapat Mu'tazilah dianggap menyesatkan umat Islam. Al-Maturidi adalah pengikut setia Imam Abu Hanifah yang terkenal ketat dengan keabsahan pendapat akal. (Drs. H.A. Hafizah Dasuki, 2004 : 207).

Imam Abu Hasan Al-Asy'ari dan Imam Abu Mansur Al-Maturidi ini kedua-duanya telah mengasaskan aliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah dari segi aqidah. Walau pun ada perbezaan pendapat pada kedua-duanya, tetapi hanya pada lafaznya sahaja. Umumnya kedua-dua mazhab ini saling pengaruh-mempengaruhi antara satu sama lain. (Profesor Dr. Mahayuddin Haji Yahaya, 1987 : 785-786).

EMPAT MAZHAB FIQAH

Dalam pada itu, kita juga perlu menyebutkan empat orang imam besar yang mengasaskan aliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah dari segi Fiqah. Mereka ialah Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Al-Shafi'i dan Imam Ahmad Ibnu Hanbal. Hal ini telah membawa terbentuknya empat mazhab dalam bidang ilmu Fiqah yang mana nama-nama mazhab tersebut dinisbahkan kepada nama mereka.

Mengenai dengan Imam Al-Shafi'i yang ingin kita fokuskan perbincangan di sini kerana kesesuaiannya dengan Brunei yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi mengikut aliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Mazhab Shafi'i. Imam Al-Shafi'i merupakan imam besar yang ketiga mengikut susunan tarikh kelahiran empat imam di atas. Beliau dilahirkan di Gazza dalam negeri Palestin pada tahun 150H. Menurut riwayat, kelahiran Imam Al-Shafi'i sama dengan masa kewafatan Imam Abu Hanifah yang wafat dalam bulan Rajab tahun 150H.

Nama penuhnya ialah Muhammad bin Idris bin Abbas bin Uthman bin Shafi'i bin Saib bin Ubaidah bin Yazid bin Hashim bin Abdul Muttalib bin Abdul Manaf. Dari kenyataan nasabnya ini jelas bahawa Imam Shafi'i adalah dari keturunan Arab Quraisy dan bersatu nasab dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada Abdul Manaf iaitu datuk Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang ketiga (Dr. Mat Saat Abd. Rahman, 1992 :3-4).

Nasab Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hasyim bin Abdul Manaf. Kerana hampirnya nasab Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam maka Imam Shafi'i pernah digelar 'Anak bapa saudara Rasul', atau dari golongan yang dipanggil 'Zawil Qurba'.

Beliau meninggal di Mesir pada tahun 204H / 820M ketika berusia 54 tahun. Pengikut-pengikutnya yang terbanyak ialah di Mesir, Kurdistan, Yaman, Aden, Hadhramaut, Mekah, Pakistan, Indonesia, Malaysia, (Haji Dusuki Haji Ahmad, 2012 : 791), Selatan Semenanjung Arab, Bahrain, Senegal, Dughustan, dan bahagian Asia Tengah. (Profesor Mahayudin Haji Yahaya, 1988 : 1325), termasuk Brunei Darussalam.

Mazhab Imam Shafi'i mulanya berkembang di Mekah. Pada tahun 195H beliau merantau ke Baghdad untuk memperdalamkan pengetahuannya, selama berada di Baghdad inilah beliau membina mazhab Qadim (lama), selepas itu beliau pulang lagi ke Mekah.

Pada tahun 198H, beliau balik lagi ke Baghdad seterusnya berpindah ke Mesir, di sinilah beliau membina Mazhab Jadid (baharu). Di samping itu, beliau menulis kitab yang menjadi rujukan penting hingga ke hari ini. Di antaranya ialah *Al-Risalah* dalam ilmu Usul Fiqh, *Al-Umm* dalam ilmu Fiqah, *Al-Musnad* dalam ilmu Hadis. Di Mesir mazhabnya mula memancar dan berkembang luas. (Haji Dusuki Haji Ahmad, 2012 : 792).

SUSUR GALUR

Susur galur kemunculan Mazhab Shafi'i ini dapat dilihat seawal Abad Ketiga Hijrah bila mana mazhab ini berkembang luas di Mesir. Apabila Kerajaan Fatimiyah berkuasa di Mesir pada tahun 358H, Mazhab Shafi'i telah digantikan dengan Mazhab Syi'ah sesuai dengan aqidah yang dianut oleh penguasa Kerajaan Fatimiyah pada masa itu. Kerajaan Fatimiyah telah mendirikan Universiti Al-Azhar yang di dalamnya diajarkan ajaran-ajaran Syi'ah. Tetapi keadaan itu tidak lama berlanjutan, kerana apabila Sultan Salahuddin Al-Ayyubi mengambil alih kerajaan Mesir kira-kira enam tahun kemudian (pada tahun 364H) beliau telah mengembalikan kedudukan Mazhab Shafi'i di Mesir khasnya ilmu-ilmu yang diajarkan di Al-Azhar dan sekolah-sekolah adalah mengikut fahaman Mazhab Shafi'i. (Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad, 2012 : 134).

Antara tokoh-tokoh besar yang menganuti aliran Mazhab Shafi'i ialah Al-Asy'ari, An-Nasa'e, Al-Mawardi,



MASJIDIL HARAM, di mana letaknya Kaabah, iaitu kiblat umat Islam di seluruh dunia.

Sumbangan : Pg. Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad
Pg. Haji Abd. Rahman dengan kerjasama Meja Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei

As-Syirazi, Al-Ghazali, Al-Nawawi, Al-Rafi'i, dan ramai lagi. (Haji Dusuki bin Haji Ahmad, 2012 : 792-793).

MAZHAB SHAFI' KE ALAM MELAYU

Bagaimana Mazhab Shafi'i masuk ke Alam Melayu atau Nusantara? Sejarah telah mencatatkan bahawa golongan Arab / Parsi telah datang ke Alam Melayu sebagai para pedagang di samping sebagai muballigh. Kita sering beranggapan bahawa bila menyebut Parsi itu seolah-olah mereka adalah golongan Syi'ah semata-mata, sebenarnya tidak!. Mengikut sejarah selama 700 tahun Mazhab Shafi'i telah bertapak di Parsi. Oleh itu tidaklah menghairankan jika para pedagang dan muballigh yang datang ke Nusantara ini adalah dari kalangan Arab / Parsi yang menganut Mazhab Shafi'i. Ini bermakna mereka bukan golongan Syi'ah.

Dalam pada itu ada juga sejarawan antaranya Profesor A. Hashmy yang mengatakan bahawa sebelum Mazhab Shafi'i tiba di Alam Melayu, Kerajaan Perlak telah lebih dahulu dikuasai oleh kaum Syi'ah iaitu sejak tahun 225H / 840M. Namun menjelang Abad Ke-13 Masihi pengaruh Syi'ah mulai lemah berikutan ketibaan pengaruh aliran Sunni Mazhab Shafi'i yang dipimpin oleh Maulana Syeikh Ismail. (Profesor A. Hashmy, 1981 : 197 - 204).

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. 3 :
MINDEF / DFA / 2018 / AP / TA / 01
PEMBELIAN KENDERAAN 4 X 4

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 - TENDER FEE (tidak dikembalikan)

**TARIKH MULA MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :**
10 DISEMBER 2018

TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 8 JANUARI 2019
(jam 2.00 Petang)

SYARAT SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat pada tarikh-tarikh dan waktu seperti yang dinyatakan di atas.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin dan Rabu) bermula seperti tarikh-tarikh yang dinyatakan di atas.

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran
dan mendapatkan borang tawaran :**
Isnin dan Rabu

8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya juga boleh dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>



**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

(1)
**REQUEST FOR PROPOSAL TO
INVEST, BUILD AND OPERATE
THE INTEGRATED DEVELOPMENT
OF MULTI-STOREY CAR PARK
BUILDING AND BUMIPUTERA
COMMERCIAL TRADE CENTRE**

REFERENCE NO. :
JBBSB / PPI / RFP / 2018 - 2019 / 01

(2)
**REQUEST FOR PROPOSAL TO
INVEST, BUILD AND OPERATE
THE DEVELOPMENT OF
APTK BUILDING**

REFERENCE NO. :
JBBSB / PPI / RFP / 2018-2019 / 02

JABATAN Bandaran Bandar Seri Begawan (JBBSB) intends to revitalize the Central Business District (CBD) as part of Bandar Seri Begawan Development Master Plan.

In this context, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan invites proposals from interested parties (1) **To invest, Build and Operate the Integrated Development of Multi-Storey Car Park Building and Bumiputera Commercial Trade Centre** and (2) **to Invest, Build and Operate the Development of APTK Building**. More detailed information and guidelines for submitting proposals will be provided in the Request for Proposals (RFP) electronic document.

Who should register?

Interested parties should be reputable local or international companies with the ability to finance, develop and operate the proposed development. Previous relevant experience capabilities in developing and operating commercial development is a pre-requisite and interested parties must have developed and operate at least one (1) commercial development during the last five (5) years.

To register the RFP, interested parties may collect e-document in the form of Compact Disc (CD) at 5th Floor, Bahagian Pembangunan Bandar, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, BA1512 from **31 October 2018 until 2 January 2018 between 9.00 A.M. until 3.30 P.M.**

Completed proposals should be submitted to

the address set out below **no later than 2.00 P.M. on Thursday, 3 January 2018**. Late submission will not be entertained.

All correspondence should be sent to :
**Peti Tawaran dan Sebut Harga
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
Tingkat 3, Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan
Jalan Perdana Menteri, BA1512.**

E-mail :
rfpsecretariat@bandaran-bsb.gov.bn

NOTE : This advertisement does not constitute an offer from JBBSB and shall be subject to terms and conditions contained in the RFP Documents. JBBSB is under no obligation to respond to any enquires it receives and reserves the right not to follow up on any submission at its sole discretion without explanation.



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERIJAWATAN KOSONG SEBAGAI
PENGHULU MUKIM TINGKAT III -
PMKK.4 (BND3,880 - BND4,240)

bagi

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Mukim Kianggeh
2. Mukim Sengkurong

DAERAH BELAIT

1. Mukim Seria

DAERAH TUTONG

1. Mukim Ukong

ADALAH dimaklumkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong untuk menghadapi pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim bagi mukim di keempat-empat daerah.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
CALON PENGHULU MUKIM
TINGKAT III

1. Calon Penghulu Mukim hendaklah :
 - (i) Seorang lelaki yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - (ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.
 - (iii) Beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Ash-Shafiee.
 - (iv) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat mukim berkenaan.
 - (v) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang

Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.

(vi) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di mukim ia memohon sebagai Penghulu Mukim tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(vii) Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vi) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di mukim yang ia memohon untuk menjadi Penghulu Mukim dan hendaklah tinggal dan menetap di mukim tersebut apabila dilantik sebagai Penghulu Mukim sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di mukim berkenaan.

(viii) Calon yang terdiri daripada pegawai kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Penghulu Mukim dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen (jika berkenaan).

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Penghulu Mukim.

(x) Tidak menjadi ahli atau terlibat dengan mana-mana pertubuhan siasah (politik) luar dan dalam negeri.

(xi) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan atau di pihak swasta atau dalam manamana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xii) Tidak diistiharkan sebagai seorang Muflis di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xiii) Calon-calun hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Tinggi (HND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau yang sebanding dengannya serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang

mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatan-kuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(d) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan atau Majikannya serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

atau

(a) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat I bagi kampung di dalam mukim berkenaan tidak kurang selama lima (5) tahun.

(b) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(c) Mempunyai pengalaman dalam memimpin kampungnya dalam mengadakan projek-projek atau aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perpaduan, keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan kampung.

(d) Telah juga menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat I.

TATACARA PENCALONAN
PENGHULU MUKIM

1. Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :

(a) Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Khas Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh **seorang Pencadang** dan **dua (2) orang Penyokong**. Borang Khas Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya.

(b) Penamaan calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah

tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangani Borang Khas Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah tidak lewat 30 hari daripada tarikh pencalonan.

2. Calon, Pencadang dan Penyokong

(a) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah penduduk mukim berkenaan dan tinggal menetap di mukim tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadang dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

TATACARA MENGHADAPKAN
BORANG PENCALONAN :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

**Unit Pentadbiran
Bahagian Institusi Penghulu Mukim
dan Ketua Kampung
Jabatan-jabatan Daerah masing-masing
(Jabatan Daerah Brunei dan Muara,
Jabatan Daerah Belait, Jabatan Daerah
Tutong dan Jabatan Daerah Temburong)
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada
**Isnin, 23 Rabiulakhir 1440 bersamaan
31 Disember 2018, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian seperti berikut :

1. Jabatan Daerah Brunei dan Muara : +673 2381408 / +673 2381117
2. Jabatan Daerah Belait : +673 3334335 sambungan 1115 / 1185 / 1127
3. Jabatan Daerah Tutong : +673 4222491 / +673 4222493 / +673 4222495
4. Jabatan Daerah Temburong : +673 5221110



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

Syarat-syarat sebut harga :

Bilangan Sebut Harga :
MOF / ADM / UPAH /
GRASSCUTTING / 01 / 2018

Tajuk Sebut Harga :
KERJA-KERJA PEMOTONGAN
RUMPUT DI KAWASAN
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN EKONOMI DAN
SEPANJANG JALAN
COMMONWEALTH
DRIVE BAGI TEMPOH 24 BULAN

1. SEBUT HARGA-sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam **kategori KPB 12** dan berpengalaman, khusus dalam kerja-kerja dalam pemeliharaan lanskap.

2. Dokumen-dokumen sebut harga serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari **Unit Pengurusan Asset dan HSE, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Tingkat 15 Tower Block,**

Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

3. Sebut Harga-sebut harga hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama sebut harga tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Peti Sebut Harga
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Tingkat 15
Bangunan Kementerian Kewangan
dan Ekonomi
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam**

4. Sebut Harga hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Sabtu, 22 Disember 2018**. Semua sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebut harga yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Salinan sijil pendaftaran perniagaan, senarai kerja-kerja yang telah dilaksanakan sebelumnya dan senarai projek yang sedang dijalankan hendaklah juga disertakan sama.



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA KAMPUNG TINGKAT I PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)

atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT II PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)

atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT III PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)

bagi

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Kampung Jerudong, Mukim Sengkurong
2. Kampung Jerudong 'B', Mukim Sengkurong
3. Kampung Tanjong Nangka, Mukim Sengkurong
4. Kampung Pengkalan Gadong, Mukim Gadong 'B'
5. Kampung Madewa dan Telanai, Mukim Kilanas
6. Kampung Bunut Perpindahan, Mukim Kilanas
7. Kampung Tasek Meradun dan Bunut, Mukim Kilanas
8. Kampung Tanjong Bunut, Mukim Kilanas
9. Kampung Lambak 'A', Mukim Berakas 'A'
10. Kampung Lambak 'B', Mukim Berakas 'A'
11. Kampung Sungai Tilong, Mukim Berakas 'B'
12. Kampung Tanah Jambu, Mukim Mentiri
13. Kampung Mentiri, Mukim Mentiri
14. Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara Mentiri, Mukim Mentiri
15. Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara Mentiri, Mukim Mentiri
16. Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara Rimba, Mukim Gadong 'A'
17. Kawasan 3, Rancangan Perumahan Negara Rimba, Mukim Gadong 'A'
18. Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara Rimba, Mukim Gadong 'A'
19. Kampung Pengkalan Batu, Mukim Pengkalan Batu
20. Kampung Junjongan, Mukim Pengkalan Batu

DAERAH BELAIT

1. Kampung Sungai Liang, Mukim Liang
2. Kampung Sungai Teraban, Mukim Kuala Belait

DAERAH TUTONG

1. Kampung Danau, Mukim Telisai
2. Kampung Benutan, Mukim Rambai
3. Kampung Merimbun, Mukim Rambai

DAERAH TEMBURONG

1. Kampung Selangan, Parit dan Biar Menengah, Mukim Amo
2. Kampung Belais dan Buda-Buda, Mukim Bokok
3. Kampung Menengah, Mukim Bangar
4. Kampung Belingos, Mukim Bangar
5. Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi

ADALAH dimaklumkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung-kampung yang tersenarai di atas bagi ke empat-empat daerah untuk menghadapi pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Ketua Kampung.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG

1. Calon Ketua Kampung hendaklah :

(i) Seorang lelaki yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

(iii) Mempunyai pengetahuan baik dalam Agama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.

(iv) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.

(v) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan kuat daripada Ketua Jabatan atau Majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah satu kelebihan.

(vi) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen (jika berkenaan).

(vii) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di kampung ia memohon sebagai Ketua Kampung tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(viii) Calon yang tidak memenuhi syarat di (vii) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di kampung yang ia memohon untuk menjadi Ketua Kampung dan hendaklah tinggal dan menetap di kampung tersebut apabila dilantik sebagai Ketua Kampung samada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di kampung berkenaan.

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Ketua Kampung.

(x) Tidak menjadi ahli atau terlibat dengan mana-mana pertubuhan siasah (politik) luar dan dalam negeri.

(xi) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xii) Tidak diisytiharkan sebagai seorang Mufliis di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xiii) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT I** dengan tanggungaji **PMKK.3**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (OND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5)

tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

atau
(d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat II tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja ditahap yang dinilai sebagai **CEMERLANG** merupakan satu kelebihan.

(e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat II.

(g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat II.

(xiv) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT II** dengan tanggungaji **PMKK.2**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

atau
(d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat III tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai **CEMERLANG** merupakan satu kelebihan.

(e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat III.

(g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat III.

(xv) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT III** dengan tangga gaji **PMKK.1**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran kredit peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(xvi) Syarat-syarat lain :

(a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa dan dimana-mana saja.

(b) Hendaklah bersedia untuk menjadikan rumah kediamannya sebagai tempat perjumpaan dengan penduduk kampung.

(c) Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TATACARA PENCALONAN KETUA KAMPUNG

(1) Setiap pencalonan bagi mengisi jawatan Ketua Kampung mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :

(a) Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon serta disahkan oleh Penghulu Mukim sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya.

(b) Penamaan calon atau calon-calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah pada bila-bila masa sebelum tarikh pengundian.

2. Calon, Pencadang dan Penyokong

(a) Pencadang dan penyokong hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk kampung berkenaan dan tinggal menetap di kampung tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadang dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

Unit Pentadbiran

**Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan-jabatan Daerah masing-masing
(Jabatan Daerah Brunei dan Muara,
Jabatan Daerah Belait, Jabatan Daerah Tutong dan Jabatan Daerah Temburong)
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada

**Isnin, 23 Rabiulakhir 1440 bersamaan
31 Disember 2018, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian seperti berikut :

- (1) Jabatan Daerah Brunei dan Muara : +673 2381408 / +673 2381117
- (2) Jabatan Daerah Belait : +673 3334335 sambungan 1115 / 1185 / 1127
- (3) Jabatan Daerah Tutong : +673 4222491 / +673 4222493 / +673 4222495
- (4) Jabatan Daerah Temburong : +673 5221110

RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN BAGI BULAN DISEMBER 2018 DI DAERAH TEMBURONG

BIL	KETERANGAN	CHOP HOCK GUAN (PEKAN BANGAR)	LAKUJAYA MINIMART (PEKAN BANGAR)
1	Mentega / Marjerin		
	GOLDEN CHURN - 340 g	\$ -	\$ 8.00
	QBB - 454 g	\$ 7.80	\$ 8.00
	PLANTA; Margarine - 480 g	\$ 3.40	\$ 3.50
2	Makanan dalam tin		
	YEO'S; Chicken Curry - 145 g	\$ 1.60	\$ 1.40
	AYAM BRAND; Sardine In Tomato Sauce Tall - 230 g	\$ 1.90	\$ 1.50
	AYAM BRAND; Coconut Milk Blue Packet - 200 ml	\$ -	\$ 1.00
	CHAKOAH; Coconut Milk Gata - 400 ml	\$ -	\$ 1.80
3	Telur ayam		
	1 Tray (30 biji) (Size M/B) - 1 tray	\$ 4.50	\$ 4.00
4	Minyak masak		
	LABOUR @ CAP BURUH - 2 kg	\$ 4.40	\$ 4.20
	LABOUR @ CAP BURUH - 5 kg	\$ 8.90	\$ 8.90
5	Mee kering		
	Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah - 400 g	\$ 1.90	\$ 1.80
	CAP LIMAU; Mee Hoon - 400 g	\$ 1.20	\$ -
6	Minuman		
	LIPTON; Yellow label - 200 g	\$ -	\$ 3.90
	NESCAFE; Classic - 200 g	\$ -	\$ 8.00
	SEHAT; Botol - 1.5 litre	\$ -	\$ 1.00
	SUCI; Botol - 1.5 litre	\$ -	\$ 0.80
7	Susu cair		
	COW BELL - 400 g	\$ 1.10	\$ -
	F&N - 400 g	\$ -	\$ 1.00
	IDEAL - 405 g	\$ 1.45	\$ -
8	Tepong		
	GREEN SP; Interflour - 1 kg	\$ -	\$ 2.30
9	Susu tepung berformula		
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 650 g	\$ 6.50	\$ -
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 900 g	\$ 9.00	\$ 9.50
10	Mee segera		
	MAGGI; Curry - 80g x 5	\$ 1.45	\$ 1.45
	MAGGI; Ayam - 80g x 5	\$ 1.45	\$ 1.45
	MAGGI; Asam - 80g x 5	\$ 1.90	\$ 2.00
	INDO FOOD; Mee Goreng - 80g x 5	\$ 1.40	\$ 1.80
11	Mayonis		
	LADY'S CHOICE; Real Mayonnaise - 230 ml	\$ 2.40	\$ -
12	Milo (Malaysia)		
	Nestle Milo - 1 kg	\$ 6.90	\$ 6.50
13	Bawang		
	Brown Onion (Bawang Besar) - 1 kg	\$ 1.40	\$ 1.20
	Garlic (Bawang Putih) - 1 kg	\$ -	\$ 2.50
	Shallot (Bawang Merah) - 1 kg	\$ 2.20	\$ 2.50
14	Sos		
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Salty Soy Sauce - 645 ml	\$ -	\$ 3.60
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Sweet Soy Sauce - 645 ml	\$ -	\$ 3.60
	MAGGI; Cilli Sauce - 340 gm	\$ -	\$ 1.20
	MAGGI; Tomato Ketchup - 325 gm	\$ -	\$ 1.10

*Harga barang tertakluk kepada stok.

***Senarai penuh boleh diperolehi dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang www.depd.gov.bn/cad.
Aplikasi mudah alih PenggunaBijak boleh di muat-turun dari Google Playstore dan Apple iTunes App Store.

Sebarang maklumat atau aduan boleh hubungi hotline JPKE
+8732 230223 semasa waktu pejabat atau e-mel :
aduanpengguna@jpk.gov.bn dan consumercomplaint@jpk.gov.bn

Kongsi keseronokan sukan air

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

Persembahan teater 'TAKDIR', 5 Januari 2019

Berita dan Foto : Ihsan TAKDIR Sutera Memento

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Disember. - Daripada debut 'After All', persembahan teater 'TAKDIR' merupakan lakonan asal tempatan yang menceritakan kisah tentang Nishya yang dibesarkan selama bertahun-tahun tanpa mengetahui kebenaran tentang rasa kesakitan cinta yang dilalui oleh ibunya untuk melahirkan dan membesarkannya ke dunia.

Meliputi hubungan kekeluargaan yang tersangkut dalam cinta dan konflik, 'TAKDIR' mempamerkan mesej dan kesedaran yang tidak terucapan mengenai cabaran yang dihadapi dalam institusi keluarga yang rosak.

Persembahan itu dianjurkan oleh Sutera Memento, sebuah perusahaan teater yang memberikan tumpuan kepada drama asal tempatan.

Dalam menyokong industri kreatif tempatan, Sutera Memento berusaha untuk

mengembangkan bakat tempatan dan ahli kumpulan persembahan, jalan cerita dan tema melalui teater, dengan cara Brunei tersendiri.

'TAKDIR' terbuka kepada orang ramai untuk hadir menonton dan akan diadakan pada Sabtu, 5 Januari 2019, jam 7.30 malam di Dewan Silaturrahim, Tingkat Pertama, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan sempena Malam Minggu Pusat Belia yang disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tiket boleh dibeli secara online atau menerusi pembayaran tunai dengan menghubungi nombor talian hotline Sutera Memento di +673 880 3448 atau melalui laman media sosial Sutera Memento di Facebook, Instagram dan Twitter di @suteramemento.



BENDAHARI Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN Panchor Mengkubau, Awang Mohamad Nazrie bin Saie semasa ditemu bual Pelita Brunei (atas), sementara gambar bawah, antara aktiviti Riadah Sukan Air yang dianjurkan oleh Syarikat Poni Divers di Pantai Peranginan Serasa tersebut.

MUARA, Khamis, 20 Disember. - Seramai 30 anak yatim dan anak daripada keluarga kurang berkemampuan dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mengkubau menyertai aktiviti Riadah Sukan Air yang dianjurkan oleh Syarikat Poni Divers di Pantai Peranginan Serasa, di sini.

Bendahari Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN Panchor Mengkubau, Awang Mohamad Nazrie bin Saie berkata, aktiviti riadah amal itu bertujuan bagi sama-sama memeduli kebajikan dan kesejahteraan para anak yatim serta anak-anak daripada keluarga kurang berkemampuan di negara ini.

Menurutnya, pelbagai aktiviti sukan air disediakan oleh pihak Poni Divers bagi anak-anak berkenaan, termasuk *banana boat*, *bandwagon* dan *jet ski*.

"Sepanjang program ini, kami

turut mengadakan aktiviti Berkelah dan acara BBQ bersama Keluarga," katanya kepada Pelita Brunei.

Beliau berkata, program tersebut adalah salah satu aktiviti sosial Syarikat Poni Divers dan memberi peluang kepada anak-anak berkenaan juga mengonggikan keseronokan sukan air bersama mereka.

"Syarikat ini juga sering memberi sumbangan bagi acara-acara kampung atau ekspo yang dianjurkan MPK RPN Mengkubau," ujarnya.

Terdahulu, Pengurus Cawangan Poni Divers, Maclen Torres menyampaikan Taklimat Keselamatan semasa berada di air kepada para peserta.

Juga hadir, Pengarah Urusan Poni Divers, Mohammad Tahsin Wong bin Abdullah dan Ahli-ahli MPK RPN Panchor Mengkubau.



SARINA HASNAL HANIF IQBAL SYAZNI BAKAR AMIRUL D. HANIZAH DEWI HK DK. HAFIZAH AQLAH ARAHAN & SKRIP DEWI HK

Sebuah pementasan teater

Takdir

Dibawakan oleh Sutera Memento

"Sejauh mana pun kita melangkah, takdir penentu segalanya"

Sabtu, 5 Januari 2019, 7.30 malam
Dewan Silaturrahim, Tingkat 1,
Pusat Belia, Bandar Seri Begawan

TIKET: Tempahan Awal (Pre-Book) Online/ Cash Deposit \$20.00/ Tiket

Disokong oleh
Bersempena dengan
Malam Minggu Pusat Belia

@suteramemento +673 880 3448

Lari daripada majikan



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing warganegara Indonesia, bernama Rahayu Izzania, perempuan, berusia 27 tahun, Nombor Kad Pengenalan 51-442964 (Hijau) yang lari daripada majikan.

Jika sesiapa terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Pusat melalui talian telefon +673 2242334 / +673 2242335 dan Hotline 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan.

PEKERJA asing warganegara Indonesia, bernama Rahayu Izzania, perempuan, berusia 27 tahun, Nombor Kad Pengenalan 51-442964 (Hijau) yang lari daripada majikan.

LENZA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :

pelita.brunei@information.gov.bn

5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang sagu hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :

- 1) 'Kereta' - Tarikh Tutup : 22 Disember 2018
- 2) 'Bersekolah' - Tarikh Tutup : 12 Januari 2019
- 3) 'Air' - Tarikh Tutup : 26 Januari 2019

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



Sukan

INFO SUKAN

KONTINJEN Sho Wa Ren, Brunei Darussalam mengungguli kutipan pingat di Kejohanan Terbuka Karate-do Shitokai Brunei 2018 berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 1 hingga 2 Disember 2018. Sementara itu, Kontinjen Kementerian Pendidikan melalui Sekolah Sukan menduduki tempat kedua dan tempat ketiga, Shitokai Karate Brunei Darussalam.



ePaper Pelita Brunei

72 peserta bertanding Lumba Perahu Kawalan Radio Terbuka



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong semasa hadir pada perasmian Perlawanan Lumba Perahu Kawalan Radio Terbuka 2018 bersempena Brunei December Festival 2018 (kiri), manakala gambar kanan, antara perlumbaan yang diadakan di Kolam Takungan Bukit Berambun, Kampung Tanah Jambu.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TANAH JAMBU, Jumaat, 21 Disember. - Perlawanan Lumba Perahu Kawalan Radio Terbuka 2018 bersempena dengan Brunei December Festival (BDF) 2018, dengan rasminya bermula hari ini berlangsung selama tiga hari bertempat di Kolam Takungan Bukit Berambun, Kampung Tanah Jambu. Hadir bagi merasmikan

perlawanan tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong. Perlawanan anjuran Persatuan Lumba Perahu Kawalan Radio

(RACOBRA) itu buat julang kalinya disertai seramai 72 orang peserta terdiri dari peserta Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Thailand.

Sebanyak tujuh kategori dipertandingkan, iaitu Class 'A' - Catamaran / Tunnel Hull Open CC Gasoline Local Engine Modified; Class 'D' - Vee / Mono Hull Open

CC Gasoline Local Engine Modified; Class 'E' - Vee / Mono Hull Imported Marine Gasoline Engine 26cc - 28cc; Class 'F' Catamaran / Tunnel Hull Imported Marine Gasoline 26cc-28cc; Class 'G' -Vee / Mono Hull Imported Marine Gasoline 26cc-35cc (Open CC); Class 'H' Catamaran / Tunnel Hull Imported Marine Gasoline 26cc-35cc (Open CC) dan Class 'I' - Hydro and Rigger Imported Marine Gasoline Open CO.

Para pemenang yang bertuah bagi setiap kategori akan membawa pulang piala iringan dan hadiah berupa wang tunai yang akan disampaikan di akhir acara nanti, iaitu pada Ahad ini.

Dengan adanya perlumbaan tersebut, ia secara tidak langsung dapat mengetengahkan sukan berkenaan di samping dapat mengeratkan perpaduan dan silaturahim di antara penggemar-penggemar aktiviti ini.

Ia juga dapat memberi pengetahuan dalam mengawal, mencipta, menanamkan daya saing di kalangan pemain mahupun penggemar-penggemar, sekali gus membentuk generasi yang lebih berwawasan dan berkesan.

Kota Ranger FC tewaskan Setia Perdana, 6 - 4

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara Kota Ranger FC menentang Setia Perdana pada perlawanan Liga Super Brunei DST 2018 yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Disember. - Kota Ranger FC berjaya mengutip tiga mata penuh setelah menewaskan Setia Perdana, 6 - 4 pada perlawanan Liga Super Brunei DST 2018 yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Pada awal perlawanan, Kota Ranger FC mendahului pasukan lawan dengan jaringan gol pertama pada minit ke-8 hasil jaringan Muhd. Afi Aminuddin.

Selang sembilan minit kemudian, Setia Perdana berjaya menyamakan kedudukan 1 - 1 pada minit ke-17 yang mana telah dijaringkan oleh Md. Khairul Abd. Halim.

Sepakan penalti diberikan kepada Kota Ranger FC pada minit ke-27 dan disudahkan dengan kemas oleh Hardy Bujang menjadikan gol kedua buat pasukan tersebut.

Kota Ranger FC sekali lagi menambahkan gol ketiga pada minit ke-40 hasil jaringan Md. Amalul Ariffin Shah Said.

Tiga minit sebelum tamat separuh masa pertama, gawang pasukan Kota Ranger FC digegarkan menerusi sepakan Md. Azim Said, sekali gus

menggandakan jaringan Setia Perdana.

Memasuki babak separuh masa kedua, Setia Perdana berhasil menyamakan kedudukan 3 - 3 pada awal minit pertama separuh masa kedua, hasil jaringan Faisal Ali.

Pada minit ke-49, Muhd Fathurrahman Embran menjaringkan gol keempat Kota Ranger FC dan selang seminit kemudian, Muhd. Asyrafahmi Norsam menambahkan lagi gol Kota

Rangers menjadikannya 5 - 3.

Md. Khairul sekali lagi menggagalkan gawang Kota Ranger pada minit ke-56, sekali gus menambah jaringan keempat buat Setia Perdana.

Pada minit ke-70, Muhd. Fathurrahman sekali lagi berjaya menghadiahkan gol keenam Kota Ranger FC.

Kota Ranger FC mengekalkan kedudukannya sehingga ke wisel penamat.

Tahukah Awda

SEBANYAK 12 papan tanda kamera had laju dipasang di beberapa kawasan jalan raya yang terpilih yang mana kawasan-kawasan berkenaan adalah kawasan yang memang sudah mempunyai had laju yang telah ditetapkan sebelum ini.

Pemasangan papan tanda kamera had laju ini adalah antara pendekatan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) untuk menambah baik kaedah peringatan kepada orang ramai, demi meningkatkan tahap keselamatan dan kepekaan pengguna jalan raya.

Penguatkuasaan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dengan menggunakan teknologi kamera tangkap laju mudah alih (portable) yang sedia ada, bukan sahaja di kawasan-kawasan yang terpilih ini, tetapi juga di kawasan yang lain di seluruh negara.

SUMBER : Siaran Akhbar Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya, 9 Disember 2018.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BIJAK MENGENDALIKAN KEWANGAN BERI MANFAAT SEUMUR HIDUP

دربیتکن اوله جباتن لفرامن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam